

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP
KELANGSUNGAN UPACARA WANGKANG DI
MELAKA KETIKA PENULARAN COVID-19

MUHAMMAD ALIF HAKIMI BIN MUHAMMAD

RUSHDIE

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN

KEPUJIAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KELANGSUNGAN UPACARA WANGKANG DI MELAKA KETIKA PENULARAN COVID 19

OLEH :

MUHAMMAD ALIF HAKIMI BIN MUHAMMAD RUSHIDE

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat
Kelayakan Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS


Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



MUHAMMAD ALIF HAKIMI

MUHAMMAD RUSHDIE

Tarikh: 22/2/2022

Tandatangan Penyelia Utama



DR. NORAZLINDA BINTI

BINTI MOHAMED ROSDI

Tarikh: **28/02/2022**

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

THESIS CERTIFICATE

I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution.

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)*

RESTRICTED (Contains limited information set by the organization where the research is conducted)*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. Thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. Universiti Malaysia Kelantan Library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions

Signature



MUHAMMAD ALIF HAKIMI
BIN MUHAMMAD RUSHDIE

Date: 2/2/2022

Signature of Principal Supervisor



DR. NORAZLINDA BINTI
MOHAMED ROSDI

Date: 28/02/2022

Note: *If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

ميجرلا نمحرلا الله مسب

Alhamdulillah, Terlbih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnia-Nya yang membolehkan saya untuk menyiapkan kajian ini dapat menyiapkan kajian ini dalam tempoh yang ditetapkan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan dugaan.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia kajian saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi kerana telah banyak membantu saya dengan memberikan bantuan, sokongan, dorongan serta bimbingan kepada saya semasa proses menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih saya juga saya tuukan kepada panel penilai iaitu Dr. Suraya Binti Sukri serta Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal kerana telah memberikan nasihat dan tunjuk komen mengenai kajian saya semasa proses perbentangan kajian dilakukan. Setinggi-tinggi penghargaan dan sanjungan saya kepada ibu bapa saya iaitu Shafiah Binti Che Mat dan Mohammad Rushdie Bin Abdullah kerana banyak berkorban tidak kira dari segi tenaga dan wang ringgit serta menjadi motivas kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Tidak dapat dilupakan juga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Melaka (JKKN Melaka), Datuk Ronald Gan, Encik Lai Poon Keng, serta kesemua responden kerana sudi untuk meluangkan masa untuk memberikan saya untuk mendapat data dan maklumat yang lebih terperinci yang membolehkan saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali saya mengucapkan ucapan terima kasih tak terhingga kepada rakan seperjuangan, kerana telah memberikan banyak dorongan dan sokongan moral serta nasihat Ketika saya berdepan dengan cabaran dan kesukaran semasa proses menyiapkan kajian ini.

MALAYSIA

KELANTAN

**PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KELANGSUNGAN UPACARA
WANGKANG DI MELAKA KETIKA PENULARAN COVID-19**

ABSTRAK

Kajian ini tertumpu kepada upacara Wangkang yang telah dijalankan pada tahun 2020. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti kelangsungan upacara Wangkang di Melaka semasa penularan COVID-19. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap upacara Wangkang yang dijalankan semasa penularan COVID-19 serta membincangkan tentang kaedah yang bersesuaian bagi merancang lagi upacara Wangkang di Negeri Melaka pada masa akan datang. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk etnografi dan menggunakan kaedah campuran bagi mendapatkan data yang diperlukan iaitu melibatkan kaedah kualitatif seperti menemubual beberapa orang responden manakala kaedah kuantitatif pula digunakan bagi mengukur penerimaan masyarakat tentang upacara Wangkang yang telah dijalankan pada tahun 2020 menerusi borang soal selidik yang diedarkan. “Teori Semiotik” telah digunapakai dan diaplikasikan di dalam kajian ini. Pada penghujung kajian ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan bagi memastikan upacara Wangkang ini agar terus dipelihara bagi memastikan warisan budaya ini dapat dikenali oleh orang ramai serta dapat diwarisi kepada generasi akan datang.

Kata Kunci : Upacara Wangkang, Covid-19, penerimaan masyarakat, warisan budaya

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

THE COMMUNITY PRECEPTION OF THE CONTINUITY OF WANGKANG CEREMONY IN MELAKA DURING THE SPREADED OF COVID-19

ABSTRACT

This study is focusing in Wangkang Cermony that was conducted in 2020. The purpose of this study is to identify the continuity of the Wangkang Ceremony in Melaka during pandemic COVID-19. Apart from that, this study also aims to examine the communities acceptance of the Wangkang Cermony during the transmission of COVID-19 as well as discussing the appropriate methods to discuss further about the Wangkang Ceremony at Melaka in the future. This study used an ethnographic study and uses mixed methods to obtain the required data such as qualitative method by interviewing several respondece while the quantitative method is used to measure the communities acceptance of the Wangkang Ceremony that was conducted in 2020 through a questionnaire distributed. “Semiotic Theory” has been applied in this study. At the end of this study, the researcher will give some suggestions to ensure that this Wangkang Ceremony will continue to be preserved so that this cultural heritage will be known by the public and will be inherited by next generation.

Keywords: Wangkang ceremony, COVID-19, acceptance by community, cultural heritage

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
THESIS DECLARATION	ii
PENGHARGAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI CARTA ALIR	xii
BAB I	
PENDAHULUAN	
1.0	Pengenalan 1
1.1	Latar Belakang 2
1.2	Permasalahan Kajian 3
1.3	Objektif Kajian 4
1.4	Persoalan Kajian 5
1.5	Skop Kajian 5
1.6	Kepentingan Kajian 6
	1.6.1 Individu 7
	1.6.2 Masyarakat 7
	1.6.3 Kerajaan / Institusi 8
1.7	Kerangka Teori 8
1.8	Pembahagian Bab 10
1.9	Kesimpulan 13

BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.0	Pengenalan	14
2.1	Ritual Pembersihan / Penolak Bala / Penolak Malapetaka	15
2.2	Kepentingan Agama Kepada Sokongan Psikologi Semasa Penularan Wabak COVID-19	17
2.3	Impak COVID-19 Ke Atas Aktiviti Keagamaan	21
2.4	Perubahan dan Adaptasi Budaya	22
2.5	Kesimpulan	25
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	27
3.1	Kaedah Kajian	25
	3.1.1 Kaedah Kualitatif	26
	3.1.2 Kaedah Kuantitatif	27
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	30
3.3	Kaedah Kajian	31
	3.3.1 Data Primer	32
	3.3.2 Data Sekunder	33
3.4	Persampelan	
3.5	Instrumen Kajian	34
	3.5.1 Kamera	34
3.5	3.5.2 Telefon Pintar	34
	3.5.3 Buku Catatan	35
	3.5.4 Alat Perakam Suara	

3.5.6 Borang Soal Selidik

3.6	Kesimpulan	
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	37
4.1	Mengenalpasti Kelangsungan Upacara Wangkang di Melaka Semasa Penularan COVID-19	38
	4.1.1 Ritiual Kecil Yang Terdapat di dalam Upacara Wangkang	39
4.2	Penerimaan Masyarakat Terhadap Upacara Wangkang yang di Jalankan Semasa Penularan COVID-19	40
	4.2.1 Bahagian A: Demografi Responden	43
	4.2.2 Bahagian B: Kesedaran Mengenai COVID-19	46
	4.2.3 Bahagian C: Upcara Wangkang	51
4.3	Kaedah Meranccakkan Kembali Upacara Wangkang di Negeri Melaka Pada Masa Akan Datang	53
4.4	Kesimpulan	
BAB V	PENUTUP	
5.0	Pengenalan	61
5.1	Perbincangan	62
5.2	Cadangan dan Saranan	63
	5.2.2. Cadangan Di Peringkat Masyarakat	63
	5.2.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan	64
	5.2.4 Cadangan Di Peringkat Pengajian Tinggi	65
5.3	Kesimpulan	65

RUJUKAN	67
LAMPIRAN	71

SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Ahli Jawatan Kuasa Upacara Wangkang Tahun 2020 Di Hadapan Limbongan Kapal Wangkang	40
Gambar 2	Tanglung Buluh Yang Ditempatkan Di Hadapan Pintu Masuk Tokong Yong Chuan Tian	41
Gamabr 3	Tanglung Air Yang Dihanyutkan Di Kawasan Pantai Di Selat Melaka	41
Gambar 4	Majlis Pelancaran Upacara Penyediaan Lunas Kapal Wangkang	42
Gambar 5	Proses Pembuatan Kapal Wangkang	42
Gambar 6	Mantera Dibaca Oleh Sami Taoisme Sebelum Pengambilan Air Perigi Hang Li Poh	42
Gambar 7	Proses Pengambilan Air Dari Perigi Hang Li Poh	42
Gambar 8	Sauh Kapal Wangkang Yang Diletakkan Di Dalam Pasu Besar Yang Berisi Air Dari Perigi Hang Li Poh	43
Gambar 9	Perarakan Kapal Wangkang Pada Tahun 2012	45
Gamabr 10	Perarakan Kapal Wangkang Pada Tahun 2012	45

Gambar 11	Sampan Yang Digunakan Untuk Mejemput Roh Dan Semangat Yang Menggantikan Kapal Wangkang	45
Gambar 12	Perarakan Kapal Wangkang Menggunakan Sampan Tanpa Kehadiran Kapal Wangkang	46
Gambar 13	Jamuan Besar Yang Disajikan Untuk Roh-Roh, Semangat Serta Para Dewa Ong Yah	47
Gambar 14	Kapal Wangkang Di Bawa Keluar Daripada Limbongan	47
Gambar 15	Kapal Wangkang Yang Sedang Menuju Ke Pulau, Gadek, Melaka	47
Gambar 16	Kapal Wangkang Yang Sedang Menuju Ke Pulau, Gadek, Melaka	48
Gambar 17	Kapal Wangkang Di Isi Dengan Muatan Barangan Keperluan Untuk Kegunaan Roh-Roh Dan Dewa Ong Yah	48
Gambar 18	Ritual Akhir Sebelum Kapal Wangkang Di Bakar Telah Dilakukan	48
Gambar 19	Ritual Akhir Sebelum Kapal Wangkang Di Bakar Telah Dilakukan	48
Gambar 20	Kapal Wangkang Mula Di Bakar Setelah Ritual Tamat	48
Gambar 21	Suasana Kapal Wangkang Di Bakar Di Rakam Dari Sudut Atas	48
Gambar 22	Gerbang Warisan Kebangsaan Yang Diambil Dari Sudut Atas	64
Gambar 23	Keratan Rentas Gerbang Warisan Wangkang Dari Sudut Hadapan	64
Gambar 24	Tugu Wangkang	64
Gambar 25	Tugu Wangkang Setelah Siap Di Bina	64

SENARAI PETA

NO. PETA		HALAMAN
Peta 1	Peta Negeri Melaka	5
Peta 2	Laluan Perarakan Yang Dilalui Oleh Kapal Wangkang Di Sekitar Bandaraya Melaka	6

SENARAI RAJAH

No Rajah		HALAMAN
Rajah 1	Model Penandaan Segi Tiga Pierce	8
Rajah 2	Model Penandaan Segi Tiga Kelangsungan Upacara Wangkang	9
Rajah 3	Pecahan Jantina Responden	48
Rajah 4	Pecahan Peringkat Umur Responden	49
Rajah 5	Pecahan Peringkat Pendidikan Responden	51
Rajah 6	Pecahan Sektor Pekerjaan Responden	51
Rajah 7	Pecahan Status Responden	52
Rajah 8	Graf Maklum Balas Responden Terhadap Faktor Yang Dirasakan Bersesuaian Dengan Kelangsungan Upacara Wangkang Pada Tahun 2020	61

SENARAI CARTA ALIR

BIL		HALAMAN
Carta 1	Reka Bentuk Kajian	29
Carta 2	Proses Pembinaan Soalan Temu Bual	31



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI KEPENDEKKAN

UNESCO	-	Pertubuhan Pendidikan, Sain dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
SOP	-	Prosedur Operasi Standard
PKP	-	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	-	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	-	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
COVID-19	-	Koronavirus
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
PBT	-	Pentabiran Berkuasa Tempatan
JKKN	-	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan
MOTAC	-	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
FTKW	-	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Ritual ataupun upacara merupakan satu aktiviti atau keramaian yang dilakukan oleh sesebuah kelompok masyarakat atas dasar adat budaya tempatan ataupun kepercayaan (keagamaan). Menurut ensiklopedia Britannica, 'Ritual' merupakan satu perlakuan ataupun perbuatan upacara yang telah ditetapkan oleh tradisi ataupun dekri yang dikeluarkan oleh ketua agama. Ritual juga merupakan satu tingkah laku tertentu yang boleh diperhatikan atau dipamerkan dan dipertontonkan kepada masyarakat (Penner, H. H., 2016). Menurut Tim Vernimmen (2021), semua kebudayaan manusia mempunyai ritualnya tersendiri, dilakukan secara berulang-ulang, setiap aktiviti atau perlakuan mempunyai falsafah yang tersendiri dan dilakukan dengan bertujuan.

Menurut Tan Chee-Beng, kepercayaan dan tradisi popular masyarakat Cina telah menjangkau usia ribuan tahun dan ia berbeza dari wilayah ke wilayah lain di Tanah besar China. Imigran Cina telah membawa semua kepercayaan dan tradisi popular ke luar negara semasa mereka bermigrasi. Antara tradisi yang telah dibawa oleh mereka adalah upacara Wangkang yang mana dikatakan telah diamalkan oleh masyarakat yang berketurunan Hokkien di wilayah Xiamen, Fujian di China. Di Melaka, upacara Wangkang merupakan satu upacara tradisi yang amat penting bagi komuniti Cina khususnya bagi masyarakat Baba dan Nyonya. Upacara ini turut mempunyai nama lain seperti Wangchuan (di dalam dialek Mandarin) dan Ongchun (di dalam dialek Hokkien). Upacara ini telah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)

sebagai sebuah warisan budaya tidak ketara pada tahun 2020. Menurut Nazri Abu Bakar (2021), upacara ini dianggap sebagai satu warisan kebudayaan yang memiliki elemen budaya yang positif untuk keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian sejagat.

Perkataan Wangkang diambil daripada dua perkataan yang berbeza iaitu 'wang' yang bermaksud raja ataupun Ong Yah (dewa di dalam kepercayaan Taoisme) dan 'Kang' pula membawa maksud kepada kapal dan apabila perkataan ini digabungkan, ia membawa maksud kepada kapal raja ataupun kapal Ong Yah. Upacara ini dipercayai dibawa oleh masyarakat Cina Hokkien daripada tanah besar Cina semasa berhijrah dari tanah besar ke seluruh dunia termasuklah ke Melaka. Di Melaka, upacara ini akan dijalankan atas kerjasama tiga buah tokong iaitu Tokong Yong Chuan Tien, Tokong Wah Teck Keong dan tokong yang terakhir adalah Tokong Cheng Wah Keong.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Upacara Wangkang direkodkan pertama kali diadakan di Melaka pada tahun 1854. Pada awalnya, upacara ini akan dijalankan bagi setiap lima atau lapan tahun sekali di Bandar Melaka sehinggalah pada tahun 1890 dan selepas itu, upacara ini dilakukan selepas 11 tahun tidak diadakan iaitu diadakan Kembali pada tahun 1891. Setelah itu, upacara ini diadakan pada 1905, 1919 dan 1933 iaitu 14 tahun selepas upacara Wangkang yang terakhir dilakukan. Upacara Wangkang yang dilakukan pada tahun 1933 adalah upacara Wangkang yang terakhir direkodkan pada abad ke-20. Apa yang menarik bagi upacara Wangkang pada tahun 1919 dan tahun 1933 adalah upacara ini berjaya didokumentasikan di dalam bentuk gambar, dan gambar itu masih terus dipaparkan kepada khalayak ramai di Muzium Wangkang, Melaka.

Setelah sekian lama upacara ini tidak diadakan, upacara ini telah dihidupkan semula oleh Tokong Yong Chuan Tien dengan kerjasama daripada Persatuan Baba dan Nyonya Negeri Melaka pada tahun 2012. Upacara Wangkang yang dilakukan pada tahun 2012 mendapat kunjungan pelawat asing yang tinggi yang terdiri daripada Negara China, Singapura, Taiwan dan banyak lagi yang hadir untuk melakukan upacara ini.

Situasi ini berbeza pada tahun 2020 apabila sempadan negara dan sempadan negeri terpaksa ditutup bagi usaha menurunkan kes jangkitan virus COVID-19. Upacara Wangkang yang diadakan pada tahun 2020 telah diarahkan untuk dilakukan pada tahun 2017 oleh Ong Yah atau turut dikenali sebagai “datuk” oleh komuniti tempatan

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merujuk kepada situasi yang menjadi titik permulaan kepada suatu pengkajian. Terdapat lima sub topik yang sering dikaitkan dengan permasalahan iaitu:

- a) Perasaan ingin tahu
- b) Keraguan
- c) Fakta yang bercanggah
- d) Sesuatu yang tidak kena dan yang terakhir adalah
- e) Perasaan ingin tahu

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan sub topik ‘perasaan ingin tahu’ bagaimana upacara Wangkang dilakukan walaupun berdepan pelbagai cabaran seperti penyebaran jangkitan wabak COVID-19, prosedur operasi standard yang tinggi dan lain-lain lagi.

Antara permasalahan di dalam kajian ini adalah yang pertama kurangnya pelancong dalam dan ketidakhadiran terus pelancong dari luar negara. Upacara Wangkang kebiasaannya akan disertai oleh ribuan pelancong yang datang dari dalam negara serta negara jiran, China dan lain-lain lagi. Ini kerana kebiasaannya akan ada pertukaran wakil dari Tanah Besar China yang akan menyertai upacara Wangkang yang diadakan di Melaka. Begitu juga sebaliknya iaitu akan ada wakil daripada Malaysia khususnya Melaka (Tokong Yong Chuan Tien). Upacara Wangkang sememangnya merupakan upacara penting di dalam komuniti Cina dan ia juga telah menjadi salah satu produk pelancongan bagi sektor pelancongan kebudayaan terutamanya di Melaka.

Selain itu, permasalahan kedua di dalam kajian ini adalah wujudnya kegusaran di dalam kaum Cina untuk menyertai upacara ini. Peningkatan jumlah kes jangkitan yang tinggi di dalam negara serta perlu mematuhi prosedur operasi standard seperti pemakaian penutup muka (*facial mask*) juga menyebabkan sesetengah penganut berasa tidak selesa terutamanya apabila berada atau menyertai upacara Wangkang yang diadakan pada tahun 2020.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i) Bagaimanakah kelangsungan upacara Wangkang yang diadakan di Negeri Melaka semasa penularan wabak COVID-19 (2020)?
- ii) Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap kelangsungan upacara Wangkang yang diadakan di Negeri Melaka semasa penularan wabak COVID-19 (2020)?
- iii) Apakah kaedah yang bersesuaian bagi merencanakan kembali upacara Wangkang yang diadakan di Negeri Melaka pada masa akan datang?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i) Mengenalpasti kelangsungan upacara Wangkang di Melaka semasa penularan COVID-19.
- ii) Mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap upacara Wangkang yang dijalankan semasa penularan COVID-19.
- iii) Membincangkan tentang kaedah yang bersesuaian bagi merencanakan Kembali upacara Wangkang di Negeri Melaka pada masa akan datang.


1.5 SKOP KAJIAN



Peta 1: Peta Negeri Melaka

Sumber: Google Image

Di Negeri Melaka, terdapat beberapa buah daerah iaitu Daerah Jasin, Melaka Tengah, Alor Gajah. Pengkaji akan melakukan kajian di kawasan Daerah Melaka Tengah khususnya di Kawasan Bandaraya Melaka. Kawasan ini dipilih kerana upacara Wangkangtelah dilakukan di sekitar Badaraya Melaka sejak awal upacara ini dijalankan. Selain itu, Muzium Wangkang, serta tokong utama yang bertanggungjawab menjalankan upacara ini pada tahun 2020 terletak di dalam kawasan ini.



Peta 2: Laluan Perarakan Yang Dilalui Oleh Kapal Wangkang Di Sekitar Bandaraya Melaka

Sumber: *The Malacca Guardian : Momento of, Wangkang Cermonial and Procession 1933*

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dibuat berdasarkan kepada kepentingan yang dapat diperolehi melalui kajian ini. Kajian ini juga mempunyai peluang yang besar di dalam memberi impak kepada individu, masyarakat serta kepada pelbagai institusi yang terlibat di dalam sektor pelancongan warisan di Negeri Melaka amnya.

1.6.1 Individu

Negeri Melaka merupakan antara negeri yang kaya dengan sejarah dan warisan budaya terutama sekali di dalam warisan budaya tidak ketara. Ini kerana Negeri Melaka bukan sahaja mempunyai kepelbagaian etnik, malah mempunyai etnik minoriti yang hanya terdapat di negeri ini sehingga menyebabkan warisan kebudayaan di Melaka itu sangat unik dan istimewa. Melalui kajian ini diharapkan akan dapat memberikan pendedahan kepada individu untuk lebih menghargai budaya akar umbi mereka kerana di kala negara kita telah menerima pukulan yang hebat akibat penularan wabak COVID-19 ini, tidak mustahil akan ada warisan yang akan hilang jika tidak dipelihara di samping pelbagai aktiviti kebudayaan tidak dapat dilakukan pada masa kini.

1.6.2 Masyarakat

Aktiviti kebudayaan merupakan satu alat ataupun medium bagi menyatupadukan penduduk tempatan. Ini dapat dilihat dari segi keunikan budaya masing-masing. Sebagai contoh, budaya etnik Baba Nyonya yang mengamalkan kebudayaan Melayu-Cina, etnik Chetti yang mengamalkan budaya India-Melayu dan juga etnik Serani yang mengamalkan kebudayaan Portugis-Melayu telah memberikan dan mewarnai kebudayaan Melaka dengan lebih meriah. Penghasilan kajian ataupun dokumentasi mengenai kelangsungan upacara Wangkang ini dapat dijadikan maklumat berkaitan kelangsungan aktiviti kebudayaan di Negeri Melaka semasa penularan wabak penyakit ini.

1.6.3 Kerajaan / Institusi

Pihak kerajaan seharusnya memberikan kesedaran kepada pihak yang terlibat mengenai kelangsungan aktiviti kebudayaan di Melaka. Ini dikatakan kerana sektor pelancongan merupakan sektor kedua terbesar di Melaka selepas sektor pembuatan di dalam Keluaran Dalam Negara Kasar Negeri (KDKN) dan aktiviti kebudayaan merupakan salah satu produk pelancongan utama di bumi Hang Tuah ini. Penularan wabak jangkitan COVID-19 telah menyebabkan kehadiran pelancong dan sekaligus merencatkan aktiviti kebudayaan khususnya aktiviti perlancongan keagamaan seperti upacara Wangkang ini. Diharapkan kajian ini dapat membantu untuk memberi kesedaran kepada semua pihak mengenai kelangsungan pelancongan warisan di Negeri Melaka semasa penularan jangkitan COVID-19 ini

1.7 KERANGKA TEORI


Teori yang dipilih untuk digunakan di dalam kajian ini adalah Teori Semiotik. Perkataan Semiotik merupakan perkataan yang berasal dari Yunani iaitu '*semion*' yang membawa maksud tanda dan segala sesuatu yang berhubung dengan tanda seperti sistem dan proses yang berlaku dalam penggunaan tanda. Teori ini telah dipelopori oleh dua orang tokoh falsafah Yunani iaitu Plato dan Aristoteles. Plato telah menulis mengenai asal usul bahasa di dalam karyanya yang bertajuk '*Cratylus*' sementara Aristoteles pula telah menerangkan semiotik sebagai kata benda di dalam penulisannya yang bertajuk '*Poetics*' dan '*On Interpretation*'. Pada abad ke 17, teori ini telah digunakan kembali oleh seorang ahli falsafah British yang bernama John Lock (1632-1704) iaitu setelah sekian lama mendapat kritikan dan tentangan daripada golongan '*Stoics*'.

Pada abad ke-19, dua orang tokoh utama iaitu Ferdinand De Saussure (1857-1913) yang merupakan seorang tokoh linguistik yang berbangsa Perancis, dan Charles Sanders Pierce (1839-1914) yang juga seorang tokoh ahli falsafah yang berasal daripada

Amerika Syarikat telah memberi nafas baharu di dalam perkembangan semiotik pada ketika itu.


Pada tahun 1931, sekumpulan tokoh yang terdiri daripada Charles Hartshorne, Paul Weiss dan Arthur W. Burks telah menghasilkan kompilasi penulisan tokoh-tokoh seperti Pierce yang bertajuk '*Collected Writings*' telah menyatakan bahawa bidang semiotik merupakan satu bidang pengajian rasmi bagi tanda-tanda (*formal doctrine of signs*) yang telah menghubungkan dengan sifat logik (Daniel Chandler, 2002). Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan di dalam bidang pelancongan yang menggunakan teori semiotik seperti di dalam penulisan yang bertajuk '*The Tourist*' yang ditulis oleh Maccanell (1976) yang mana telah menggunakan pendekatan Pierce di dalam menghuraikan mengapa tarikan pelancongan merupakan sebuah tanda. Menurut Pierce lagi, wujud saling kaitan antara '*signifier*' dan petanda '*signifier*' melalui tanda-tanda simbolik yang terhasil daripada pelbagai kesembarangan '*arbitrary*' yang radikal dan boleh dilihat melalui tiga jenis petanda iaitu ikon, index dan juga simbol. Ia adalah satu penanda untuk menandai sesuatu yang telah digunakan dengan meluas seperti di dalam konteks bahasa, warisan, lukisan, bahan sejarah, karya sastera, penyakit, haiwan dan lain-lain lagi.

Teori ini digunakan di dalam kajian ini berikutan kesesuaiannya dengan tajuk kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Menurut Pierce, tanda dapat dikenalpasti berdasarkan hubungan segitiga yang terdiri daripada *representament*, *interpretant* dan juga objek.



Rajah 1: Model Penandaan Segi tiga Pierce

(Sumber: Dean Maccannel, 1976)



Rajah 2: Model Penandaan Segi tiga Kelangsungan upacara Wankang di Negeri Melaka Semasa Penularan Pandemik COVID-19

Melalui rajah di atas, kita dapat lihat saling kaitan antara tiga komponen tersebut yang mana pendekatan ini diambil berdasarkan segitiga Pierce dan konsep serta objektif yang telah diterangkan di dalam kajian ini. Komponen pertama terdiri daripada Upacara Wankang (*signifier*) yang mewakili tarikan atau produk/penawaran. Komponen kedua di dalam kajian ini pula adalah pandemik COVID-19 (*signified*) yang merupakan penanda yang bersesuaian dengan topik yang ingin dikaji oleh pengkaji. Ini boleh dikatakan kerana pandemik COVID-19 merupakan antara faktor yang menyebabkan berlaku perencatan di dalam proses perjalanan upacara Wankang. Komponen terakhir adalah masyarakat (*sight*). Masyarakat adalah penggerak utama kepada Upacara ini dijalankan. Ini kerana tujuan utama upacara ini dijalankan adalah untuk menjamin kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian masyarakat, selain masyarakat itu sendiri yang akan terdedah kepada jangkitan virus COVID-19.

1.8 PEMBAHAGIAN BAB

Di dalam bab 1, pengkaji merumuskan berkaitan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pada bahagian ini, pengkaji telah menjelaskan secara ringkas latar belakang upacara Wankang. Seterusnya, di dalam bab ini juga akan dinyatakan permasalahan kajian yang menjadi punca mengapa pengkaji ingin mengkaji mengenai perkara ini iaitu yang pertama, kurangnya pelancong dari dalam negara serta ketidakhadiran terus

palancong asing dan yang kedua wujudnya kekusaran di dalam kaum cina untuk menyertai upacara ini. Terdapat 3 persoalan yang telah ditimbulkan oleh pengkaji iaitu yang pertama bagaimanakah kelangsungan upacara Wangkang yang diadakan di Negeri Melaka semasa penularan wabak COVID-19 (2020), kedua, bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap kelangsungan upacara Wangkang yang diadakan di Negeri Melaka semasa penularan wabak COVID-19 dan yang terakhir apakah kaedah yang bersesuaian bagi merencanakan kembali upacara Wangkang yang diadakan di Negeri Melaka pada masa masa akan datang. Tujuan persoalan ini dirangka adalah bagi memastikan segala tujuan dan objektif pengkaji dapat dicapai selari dengan persoalan yang ditimbulkan. Di samping itu, pengkaji turut menyatakan lokasi di mana kajian ini dilakukan iaitu di sekitar Bandaraya Melaka, ini kerana lokasi Tokong Yong Chuan Tian yang merupakan penganjur utama upacara Wangkang pada tahun 2012 dan 2020 terletak di dalam kawasan Bandaraya Melaka.

Di dalam bab 2, Pengkaji menghuraikan sejumlah sorotan kajian lepas. Pada bahagian ini pengkaji telah membahagikan kepada beberapa buah sub tema iaitu yang pertama ritual pembersihan/ ritual penolak bala/ ritual penolak malapetaka, kedua kepentingan agama kepada sokongan psikologi semasa penularan COVID-19, ketiga impak COVID-19 ke atas aktiviti keagamaan dan sub tema yang terakhir perubahan dan adaptasi budaya. Kajian lepas ini bertujuan untuk membantu pengkaji untuk mengetahui tentang topik kajian pengkaji dengan lebih mendalam, dan menjadi rujukan kepada pengkaji bagi memastikan kajian pengkaji lebih berkualiti.

Pada bab 3 pula, pengkaji membincangkan mengenai kaedah metodologi kajian yang telah diguna pakai oleh pengkaji di dalam menghasilkan kajian ini. Kajian ini akan menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Patton (1990) menyatakan bahawa data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu, hasil pemerhatian (Huraian terperinci berkaitan situasi, tingkah laku, kejadian dan interaksi yang diamati Ketika melakukan kajian lapangan), hasil pembicaraan (kutipan langsung dari pernyataan orang yang terlibat, berpengalaman, pemikiran, sikap serta keyakinan sampel di dalam sesi temu bual mendalam) dan yang ke tiga adalah bahan tertulis (

petikan ataupun keseluruhan dokumen seperti rakaman, surat menyurat, serta kes sejarah). Manakala kaedah kuantitatif menurut Given (2008) merupakan sebuah pendekatan kajian empiris untuk mengumpul dan menganalisa data di dalam bentuk angka berbanding naratif. Di dalam proses mengumpul data, pengkaji akan menggunakan kedua-dua jenis sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Data primer diperoleh melalui hasil temu bual mendalam dengan beberapa orang sampel dan juga data daripada hasil edaran borang soal-selidik. Manakala bagi sumber sekunder pula pengkaji telah menjalankan kaedah keperustakaan dan carian maya bagi mendapatkan sumber rujukan seperti akhbar, jurnal, dan sumber ilmiah yang lain.

Seterusnya bahagian bab 4 pula, pengkaji telah menghuraikan tentang analisa dapatan kajian yang telah dilakukan secara menyeluruh. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif yang pertama, pengkaji telah menemu bual beberapa orang yang terlibat secara terus di dalam upacara Wangkang pada tahun 2020 iaitu Datuk Ronald Gan (pengerusi bagi jawatan kuasa program upacara Wangkang dan pengerusi Persatuan peranakan Baba Nyonya Malaysia), Encik Lai Poon Keng (naib pengerusi upacara Wangkang pada tahun 2020 dan pengerusi upacara Wangkang pada tahun 2012). Bagi mengumpul maklumat untuk memenuhi objektif kedua, pengkaji telah menggunakan kaedah borang soal-selidik kepada 32 orang sampel yang berkunjung ke Tokong Yong Chuan Tian. Dan data maklumat bagi objektif ketiga pula pengkaji telah menemu bual Datuk Ronald Gan, serta Cik Ezlina Binti Alias (Pengaruh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Melaka).

Dan di dalam bab terakhir iaitu bab 5, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan. Selain itu, di dalam bab ini juga pengkaji akan memberikan cadangan berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas upacara Wangkang secara keseluruhannya.

1.9 KESIMPULAN

Secara Umumnya, di dalam bab ini pengkaji telah menerangkan tentang latar belakang upacara Wangkang serta Upacara Wangkang yang telah dijalankan pada tahun

2012. Selain itu di dalam baba ini juga pengkaji menjelaskan tentang penyata masalah, objektif, persoalan dan skop kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji serta pengkaji juga turut menyata kepentingan kajian yang dikaji oleh pengkaji.

Kelangsungan warisan ini bermaksud aktiviti kebudayaan ini masih lagi terpelihara. Warisan budaya adalah suatu perkara yang tercipta pada silam, diteruskan pada masa kini dan diwarisi untuk generasi akan datang. Warisan budaya merupakan sebuah identiti bagi sebuah negara bangsa dan ia merupakan suatu perkara yang sangat berharga dan tidak ternilai harganya.

Upacara Wangkang yang dilakukan oleh komuniti cina Khususnya etnik Peranakan Baba dan Nyonya membuktikan kegigihan komuniti ini di dalam memelihara warisan kebudayaan mereka. Disebabkan upacara ini dilakukan pada tahun 2020 di mana penularan wabak sedang berlaku, pihak penganjur telah melakukan perubahan di dalam upacara ini sekaligus menunjukkan warisan budaya ini telah dan mampu beradaptasi dengan situasi semasa bagi membolehkan warisan budaya ini terus dilestarikan.

BAB II

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Di dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan beberapa sorotan kajian lepas yang pernah dibuat oleh beberapa pengkaji ataupun tokoh yang pernah mengkaji tentang perkara atau objektif yang hampir sama dengan kajian pengkaji yang sedang dilakukan iaitu yang bertemakan perubahan dan adaptasi budaya, kepentingan agama sebagai sokongan psikologi. Ketika penularan COVID-19, ritual pembersihan dan penolak bala serta impak COVID-19 ke atas aktiviti keagamaan. Ini dapat membantu pengkaji melihat *trend* ataupun perkembangan bagi memastikan pemboleh ubah seperti isu dan persoalan dapat diperkembangkan dan dihuraikan dengan baik. Ini dilakukan kerana perubahan yang telah dilakukan di dalam upacara Wangkang yang dijalankan pada tahun 2020 bersifat sementara dan dilakukan bagi melestarikan warisan kebudayaan milik kaum etnik peranakan Baba dan Nyonya ini. Terdapat beberapa penulisan yang berkaitan dengan kajian ini seperti artikel, jurnal, buku dan juga tesis yang boleh dinilai. Oleh itu, kajian-kajian lepas akan digunakan sebagai rujukan dan panduan di dalam menghasilkan kajian ini.

2.1 RITUAL PEMBERSIHAN / PENOLAK MALAPETAKA / PENOLAKAN WABAK

Artikel yang bertajuk *COVID-19 Pandemic, Javanese Rituals, And Social Solidarity* yang ditulis oleh Dhanang Respati, Rabith Jihan Amarui dan Mahendra Pudji Utama

telah membincangkan beberapa ritual serta kerjasama yang dilakukan di peringkat masyarakat Jawa di dalam usaha menangani pandemik Covid-19. Menurut mereka terdapat dua terma berbeza yang mempunyai saling kaitan sering dirujuk kepada maksud atau tujuan yang sama iaitu ritual dan istiadat. Istiadat merupakan bentuk perilaku seseorang individu yang kekal di dalam perayaan yang berkaitan dengan sesebuah fasa kehidupan seseorang ataupun sejumlah perayaan yang diraikan pada situasi tertentu manakala ritual pula merupakan satu perilaku yang lebih formal yang hanya dilakukan di dalam acara tertentu yang mempunyai kaitan dari sudut agama ataupun kepercayaan mistik. Masyarakat Jawa mempercayai bahawa mereka terdiri daripada sebahagian hubungan kosmologi, makro dan mikro-kosmik. Dan ritual dan tradisi yang dilakukan adalah tidak lain untuk mengimbangi semula alam semesta dan persekitaran mereka. Menurut mereka lagi, semasa tempoh pandemik, banyak pihak seperti ketua komuniti, ketua agama, pengamal budaya dan lain-lain merasakan bahawa perlunya untuk mereka memainkan peranan yang aktif dengan cara mereka tersendiri untuk berhadapan dengan situasi pandemik. Terdapat segelintir masyarakat Jawa yang berikhtihar dengan menggunakan ritual kebudayaan bagi menangani pandemik covid-19. Perkara ini dilakukan kerana mereka ingin meminta keberkatan serta keselamatan dan pada masa yang sama mengimbangi semula makrokosmos dan mikrokosmos. Antara ritual kebudayaan yang telah dilaksanakan oleh masyarakat Jawa adalah termasuk persembahan wayang kulit pura *Ki Purbo Asmoro*.

Artikel yang bertajuk *Indonesian Community Response to Government Policies Relating to the Distribution of COVID-19 Virus: A Socio-Cultural Review* Yang ditulis oleh Henny Warsilah dan Choerunisa Noor Syahid telah membincangkan tentang sambutan masyarakat Indonesia terhadap perancangan perintah kawalan pergerakan dan penjarakan sosial yang dibuat oleh kerajaan Republik Indonesia daripada perspektif sosiobudaya. Di dalam artikel ini penulis turut mengketengahkan usaha masyarakat di dalam mengoptimalkan kearifan tempatan di dalam menangani wabak maut ini. Menurut Henny Warsilah dan Choerunisa Noor Syahid beliau telah menyatakan bahawa budaya bukan sahaja mengandungi nilai-nilai murni malah iaitu turut mempunyai fungsi sebagai satu panduan di dalam tingkah laku serta turut menjadi dasar di dalam penyelesaian masalah yang berkaitan intergenerasi. Tidak dapat dinafikan bahawa keselamatan manusia dan kelesteraan alam turut berada di dalam konteks budaya

apabila melihat kearifan masyarakat suku orang asli di Indonesia terutama di dalam konteks mesra alam. Semasa tempoh pandemik sebuah ritual berkaitan wabak telah dilakukan oleh masyarakat Kaharingan yang bernama *suarbutan biti saribu pestles* ataupun *manulak ganan peres*. Ritual ini dijalankan dengan harapan bahawa Kalimantan akan bebas daripada virus COVID-19 dan juga lain-lain penyakit. Perkara ini berdasarkan kepercayaan masyarakat tempatan kepercayaan mereka yang dipanggil *Tri Hita Karana* yang menyatakan bahawa kebahagiaan terhasil daripada keharmonian di dalam tiga hubungan iaitu, manusia dan tuhan ataupun *parhyangan*, kelemahan (manusia dan alam semula jadi) dan yang terakhir hubungan manusia antara satu sama lain ataupun dikenali sebagai *pawongan*.

Monica Cicilia Agustha, et al, di dalam artikel *Selamatan as A Solution to the Liminality of Life During the Covid 19 Pandemic* menyatakan bahawa kehidupan manusia diwarnai dengan ketidakpastian dan manusia sering mengharapkan bantuan daripada diri sendiri dan “unsur luar” bagi menstabilkan keadaan hidupnya dan pelbagai langkah telah diambil bagi melalui suatu “tempoh” tertentu. Ritual dan majlis adat telah berfungsi sebagai satu garis panduan untuk keseluruhan proses dan aspek bagi pengalaman budaya yang dilalui oleh seseorang. Bagi masyarakat Jawa di Indonesia, mereka melakukan upacara *selamatan* untuk meminta keberkatan untuk mengharungi sesebuah tempoh masa tertentu. Ritual ini juga telah digunakan oleh masyarakat Jawa untuk meminta pertolongan daripada diganggu oleh semangat leluhur dan memberikan peluang kepada mereka untuk menjalani kehidupan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Masyarakat Jawa juga menganggap bahawa *pagebluk* ataupun wabak yang berlaku yang diakibatkan oleh ketidakseimbangan antara makrokosmos dan mikrokosmos. Situasi ini terjadi apabila makrokosmos mengalami kerencatan akibat ketidakharmonian yang berlaku.

Menurut S. Simon Jphn & Tarun Mene di dalam artikel mereka yang bertajuk *COVID-19 Pandemic and Indigenois Health Care Practices Among the Tribal Communitities In Arunachal Pradesh*, mereka menyatakan bahawa amalan penjagaan kesihatan dan penyembuhan adalah sesuatu yang menakjubkan di India jika dilihat dari konteks sosio-budaya, ini kerana terdapat kepelbagaian dalam kepercayaan dan amalan

perubatan tradisional di India seperti Ayurveda, Siddha, Allopathic, Unani, Homeopati dan banyak lagi serta amalan dan ritual dan adat yang berkaitan penjagaan kesihatan dan penyembuhan tradisional yang lain. Masyarakat suku kaum asli di India. Menurut masyarakat suku asli India ini mempercayai bahawa sifat, asal dan rawatan sesebuah penyakit sentiasa berkait dengan masyarakat. Kepercayaan agama, kod moral serta nilai sosial telah mempengaruhi akan kepercayaan dan amalan etiologi penyakit serta rawatan. Budaya masyarakat akan mempengaruhi tingkah laku serta amalan kesihatan sesebuah masyarakat. Di Arunachal Pradesh, amalan perbomohan (*shamanism*) memainkan peranan penting di dalam sosio-budaya masyarakat. Kesemua amalan ritual yang berkaitan kesihatan, penyembuhan, kitaran hidup, pantang larang, upacara, persembahan perngorbanan akan dikaitkan dengan bomoh. Selain itu, masyarakat di Arunachal Pradesh juga mempercayai sebarang masalah seperti penyakit sering dikaitkan dengan kuasa ataupun entiti ghaib dan ritual, persembahan atau korban akan dilakukan bagi menenangkan semangat ataupun entiti ghaib tersebut, ini bertujuan untuk melindungi komuniti. Antara amalan ritual yang telah dilakukan bagi menangani pandemik COVID-19 adalah seperti *Idu Mishmi, Apatani, Adi, Nyishi*. Kesemua amalan tersebut mempunyai ritual pengorbanan dan kebiasaannya haiwan seperti ayam jantan, anjing, babi dan lembu akan digunakan sebagai persembahan korban.

2.2 KEPENTINGAN AGAMA KEPADA SOKONGAN PSIKOLOGI SEMASA PENULARAN COVID-19

Menurut artikel yang bertajuk *COVID-19 Epidemic And Spirituality: A Review Of The Benefit Of Religion In Times Of Crisis* yang ditulis oleh Mohammad Ali Fardin, terdapat hubungan kait antara kesihatan mental dan agama semasa berlakunya krisis kesihatan. Menurutnya lagi, COVID-19 merupakan satu krisis kesihatan global yang telah menyebabkan kesan buruk bukan sahaja pada kesihatan secara umum malah kepada kesihatan mental seseorang. Di dalam kebimbangan terhadap peningkatan kes kumulatif harian, pendekatan agama boleh digunakan di dalam menenangkan masyarakat bagi menghadapi wabak tersebut. Ini kerana walaupun penglibatan agama di dalam sektor kesihatan terbatas, akan tetapi ia mampu untuk mencipta emosi yang positif dan

menghilangkan kesedihan yang dialami oleh pesakit ataupun masyarakat yang menghadapi tekanan. Tambahnya lagi, kesemua agama di dunia dapat mewujudkan emosi yang positif dalam manusia dan situasi yang positif ini mampu untuk membantu kita untuk meneruskan kehidupan di masa hadapan yang tidak kita ketahui.

Abdul Rahsid Abdul Aziz et al, di dalam kajiannya yang bertajuk “Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19” menyatakan bahawa perkara yang paling berkesan di dalam merawat kemurungan ataupun masalah mental yang lain adalah menerusi keimanan yang tinggi terhadap tauhid dan perkara yang diajarkan nabi. Di dalam ajaran agama Islam, gangguan kejiwaan seperti sedih, resah, marah, tidak tenteram, cemas dan sebagainya dirujuk sebagai elemen batiniah dan jika terdapat gejala ini secara berlebihan ia perlu dirawat kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada aspek psikologi malah turut memberikan kesan buruk kepada kesihatan fisiologi tubuh manusia. Islam telah memberikan panduan tentang kaedah bagi mengatasi masalah kemurungan. Proses rawatan bagi menyembuhkan kemurungan dan masalah mental yang lain boleh dibuat menerusi aspek rohani. Misalnya, di dalam mengerjakan solat, umat Islam diwajibkan untuk mencapai tahap yang khusyuk serta melakukan solat dengan *tuma'ninah* yang membawa erti diam dan tenang. Perasaan khusyuk dan *tuma' ninah* akan membantu untuk seseorang itu berada di dalam keadaan tenang dan mencapai keseimbangan diri.

Menurut Chow, S. K et al (2021) di dalam artikel yang bertajuk *Religious Coping, Depression and Anxiety Among Healthcare Worker During the COVID-19 Pandemic: A Malaysian Perspective* menyatakan bahawa pekerja sektor kesihatan terlibat dengan pengurusan pesakit yang telah dijangkiti demam COVID-19 berisiko tinggi untuk mengalami masalah atau gejala psikologi, walaupun sesetengahnya tidak terlibat secara terus di dalam pengurusan pesakit COVID-19 kerana beban kerja yang tinggi dan terpaksa bekerja di dalam jangka masa yang lama secara berterusan mampu meningkatkan tekanan perasaan dan seterusnya menyebabkan pelbagai isu kesihatan mental. Menurut Soon Ken Chow lagi, aktiviti keagamaan seperti sembahyang, menghadiri aktiviti keagamaan, membaca kitab suci dan bermeditasi kekal menjadi

daya tindak yang penting bagi meningkatkan kesihatan mental terutama dalam kalangan pekerja di sektor kesihatan. Agama bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kesihatan mental dengan mengurangkan kebimbangan dan kemurungan malah agama turut dapat membantu di dalam kawalan tekanan perasaan serta aspek psikofisiologi seperti kardiovaskular, saraf serta sistem imun tubuh.

Artikel *The Assosiation Between Positive Religious Coping, Perceived Stress, And Dpressive Syntoms During The Spread Of Coronavirus (COVID-19) Among A Sample Of Adults In Palestine: Across Sectional Study* yang ditulis oleh Fayez Azez Mahamid dan Dana Bdier menyatakan bahawa salah satu kaedah yang sering digunakan oleh masyarakat dewasa Palestin di dalam mengatasi tekanan dan kemurungan adalah menerusi agama. Menurut mereka lagi, agama boleh ditakrifkan sebagai satu kepercayaan atau tingkah laku yang digunakan bagi mengatasi masalah apabila situasi buruk yang berlaku melebihi daya had seseorang. Agama boleh dijadikan sebagai satu sumber kekuatan positif bagi kesihatan fizikal dan mental seseorang. Selain itu, kajian tentang keagamaan dan kemurungan telah menyokong kesimpulan bahawa terdapat aspek tertentu di dalam agama yang menunjukkan hubungan antara agama dan penurunan kadar kemurungan yang dihadapi seseorang (Ahles et al. 2016; Braam et al. 2010).

Seterusnya artikel yang di tulis oleh Murat Yildirim et al iaitu *Meaning In Life, Religious Coping, And Loneliness During The Coronavirus Helath Crisis In Turkey* turut membincangkan isu mengenai agama sebagai sokongan kepada psikologi. Menurut Murat Yildirim, semasa krisis kesihatan, manusia akan menggunakan pelbagai cara yang berkesan dan bersesuaian bagi mengatasi masalah dan melindungi kesihatan psikologi mereka dan menjauhkan diri daripada sumber ataupun situasi masalah tersebut. COVID-19 bukan sahaja menyebabkan jutaan manusia terkorban di seluruh dunia, malah memberikan kesan psikologi yang buruk baik bagi individu yang berjangkit dengan wabak ini mahupun individu yang sihat. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan individu yang mempunyai ciri-ciri ataupun simptom kemurungan berada pada risiko yang tinggi kerana berdepan dengan cabaran kesunyian dan terasing

daripada hubungan sosial. Menurut Groarke (2020), kesunyian adalah satu isu penting bagi kesihatan. Kajian yang dijalankan oleh Murat Yildirim pula mendapati bahawa agama memberikan seseorang makna dalam kehidupan dan makna di dalam kehidupan akan mengatasi kesunyian. Individu yang mempunyai makna atau tujuan hidup dan fahaman agama yang tinggi dapat mengatasi tekanan dan seterusnya mengurangkan risiko daripada terkena penyakit yang berkaitan mental.

Kunho Lee, Goo-Churl Jeong dan Jong Eun Yim di dalam artikel yang bertajuk *Consideration Of The Psychological And Mental Health Of The Elderly During COVID-19: A Theoretical Review* menyatakan bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan manusia menyaksikan dan mengalami bencana kesihatan yang menyebabkan kejutan mental seperti kebimbangan, kemurungan dan ketegangan emosi serta ketakutan. Bagi membendung kes jangkitan wabak terus meningkat, pelbagai inisiatif telah diambil di seluruh dunia seperti kawalan pergerakan, penjarakan sosial dan kuarantin telah dilakukan dan perkara ini secara tidak langsung akan mengganggu gugat kesihatan mental manusia terutama dalam kalangan warga emas. Tekanan yang dihadapi disebabkan oleh ketakutan dan kerisauan tentang COVID-19 akan merangsang tekanan psikologikal dan mental seseorang individu terutamanya warga emas yang merupakan golongan berisiko tinggi. Antara langkah yang boleh diambil oleh warga emas di dalam usaha untuk mengurangkan risiko terjejasnya kesihatan mental mereka adalah dengan melakukan aktiviti keagamaan yang kerap dan juga menjaga hubungan dengan komuniti mereka.

2.3 IMPAK COVID-19 KE ATAS AKTIVITI KEAGAMAAN

Pandemik COVID-19 telah menjejaskan pelbagai aktiviti keagamaan yang telah diamalkan oleh manusia sekian lama. Terdapat aktiviti keagamaan yang telah dibenarkan dengan skala yang berbeza dan terdapat pula aktiviti keagamaan yang tidak dibenarkan untuk diteruskan. Berdasarkan kepada titah diraja Raja Salman, Masjidil Haram yang merupakan salah satu tapak suci di dalam agama Islam telah dibenarkan untuk dibuka semula pada hari Sabtu bagi mereka yang ingin melakukan ibadah tawaf. Walaubagaimanapun, mereka hanya dibenarkan untuk mengelilingi Kaabah dan tidak

dibenarkan untuk menyentuh sebarang struktur bangunan Kaabah (“*Coronavirus: Touching Kaaba Forbidden Asa Mecca’s Grand Mosque Partially Reopens*”, 2020).

Sementara itu, di Amerika Syarikat, banyak gereja-gereja besar mula mengaplikasikan platform maya sepenuhnya apabila gabenor telah mengehadkan jumlah pengunjung daripada 1000 orang kepada 100 orang seperti mana yang terjadi di Ohio, Amerika Syarikat (Caleb Parke: 2020). Kebanyakan pusat keagamaan Buddha dan Sangha telah membatalkan perkhidmatan serta acara awam yang telah dijadualkan untuk berlangsung pada bulan Mac terutama di kawasan yang mempunyai peningkatan kes yang aktif misalnya di negeri Washington (Daniel Burke: 2020).

Mokhtar, R. A. M., & Latiff, L. A (2020) telah menyatakan bahawa pandemik COVID-19 telah menyebabkan berlakunya perubahan di dalam rantaian aktiviti manusia secara keseluruhannya bahkan aktiviti keagamaan turut terlibat. Ini kerana di dalam usaha untuk meratakan graf penularan wabak COVID-19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Melalui akta dan polisi PKP, semua premis telah diarahkan untuk ditutup kecuali sektor-sektor tertentu yang dianggap penting seperti industri makanan dan industri kesihatan manakala institut keagamaan telah ditutup. Ini kerana rumah agama dianggap sebagai *Hot Spot* bagi berlakunya penularan wabak. Selain itu, terdapat perubahan ketara di dalam struktur sosial dalam kalangan masyarakat Islam iaitu peranan ketua keluarga. Sebelum tempoh pandemik, kebanyakan ibadat agama Islam diketuai oleh jawatan Imam di lokasi masing-masing. Perkara ini berubah apabila rumah ibadat di tutup dan ketua keluarga ataupun ahli keluarga lelaki mula memikul tanggungjawab tersebut terutamanya di bulan Ramadhan. Satu kajian yang bertajuk *New Zealand Religious Community Response To COVID-19 While Under Level 4 Lockdown* yang ditulis oleh Theis Oxholm et al, pada tahun 2020 telah menyatakan bahawa dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (*lockdown*) tahap 4, semua organisasi yang berkaitan keagamaan telah diarahkan untuk tidak beroperasi atau menjalankan sebarang aktiviti keagamaan. Kebanyakan pemimpin menyatakan bahawa pusat keagamaan atau rumah ibadat ini mempunyai risiko untuk berlaku penularan dalam kalangan komuniti terutamanya

warga emas. Ini kerana terdapat sukarelawan di pusat atau rumah ibadat terdiri daripada golongan berumur 70 tahun dan mereka adalah golongan yang berisiko tinggi untuk terdedah dengan wabak ini. Bagi meneruskan aktiviti keagamaan, kebenaran telah diberikan kepada gereja untuk beralih kepada penggunaan medium atas talian. Walaubagaimanapun, aktiviti keagamaan yang telah dijalankan menerusi atas talian ini dipercayai mewujudkan jurang spiritualiti antara mereka (golongan agamawan) dan masyarakat “alam maya”. Tidak semua masyarakat dapat menerima akan perubahan ini kerana ada juga kelompok komuniti yang telah menentang arahan penutupan rumah ibadat atau prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan New Zealand.

2.4 Perubahan dan Adaptasi Budaya

Menurut artikel yang bertajuk “Faktor Perubahan Amalan Adat Tradisi Dalam Proses Penanaman Padi Sawah Tradisional Masyarakat Dusun Kuruyou Di Kg. Liau Darat, Bingkor Sabah” yang di tulis oleh Constant Vianney Cyril Chin, beliau telah menyatakan bahawa amalan adat semasa proses penanaman padi pada hari ini dilihat berbeza dan tidak seperti amalan penanaman padi tradisional yang diamalkan oleh generasi masa lalu yang diakibatkan oleh bebearap faktor yang menyumbang kepada berlakunya perkara ini. Pendekatan sains dan teknologi telah menyebabkan perubahan berlaku (Hanafi Hussain: 2005). Menurut Constant lagi, pada masa kini elemen alam spiritual dan elemen alam nyata tidak lagi dihiraukan ini dapat dilihat apabila ritual-ritual di dalam proses penanaman padi yang menjadi aktiviti rutin telah ditukarkan dengan amalan pertanian moden. Terdapat 3 ritual utama di dalam amalan penanaman padi tradisional masyarakat Dusun Kuruyou iaitu ritual *tumodok*, ritual *mamah bambarayon*, ritual *mokilugup*. Manakala bagi faktor perubahan amalan penanaman padi pula Constant Vianney Cyril Chin pula telah menyenaraikan sebanyak 3 faktor yang mendorong kepada berlakunya perubahan di dalam amalan penanaman padi oleh masyarakat Kuruyou, iaitu perubahan agama, kekurangan pakar ritual mahir dan perubahan teknologi. Peralihan zaman yang terus berlaku telah membawa perubahan pembangunan moden dan meyebabkan muncul pengaruh yang seterusnya membawa perubahan kepada kehidupan masyarakat Dusun Kuruyou.

Selain itu, terdapat artikel lain yang turut membahaskan tentang perubahan dan adaptasi di dalam budaya iaitu artikel “Persembahan Tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan” yang ditulis oleh Zamzuriah Zahari & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. Menurut mereka, bagi memastikan sesebuah budaya itu terus kekal, perubahan haruslah dilakukan. Melihat pada konteks seni persembahan Mek Mulung pula, perubahan yang dilakukan telah membuka peluang yang lebih cerah untuk mendapat sambutan di bandar-bandar besar atupun di syarikat-syarikat korporat. Perubahan yang dilakukan seperti penambahan dan pengurangan elemen di dalam persembahan Mek Mulung tidak menjejaskan nilai dan tradisi yang terkandung di dalam warisan budaya itu.

Di dalam artikel yang bertajuk “Perkembangan Budaya Popular dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu” yang ditulis oleh Shaliza Binti Dasuki, et al, turut membincangkan konsep perubahan budaya yang terjadi di dalam budaya perkahwinan melayu. Menurut mereka perkembangan budaya itu terdapat diakibatkan oleh pengaruh beberapa faktor seperti agama dan kepercayaan, persekitaran serta cuaca tempat seseorang itu tinggal. Amalan budaya di dalam sesebuah masyarakat mampu berubah mengikut arus perubahan masa yang telah memberi peluang kepada pengaruh budaya asing untuk meresap ke dalam budaya sesebuah masyarakat (Hairudin Harun, 2006). Proses perubahan budaya ini berlaku disebabkan oleh 3 perkara iaitu asimilasi, akulturasi dan yang terakhir adalah budaya popular. Proses asimilasi berlaku disebabkan oleh pertembungan dua budaya berbeza lalu digabungkan atau disesuaikan, akulturasi pula adalah satu proses adaptasi budaya asing ke dalam sesebuah masyarakat secara keseluruhannya kerana tiada halangan dari segi adat dan agama masyarakat tempatan, manakala budaya popular pula adalah budaya asing yang diminati oleh sesebuah masyarakat. Budaya popular ini dapat dilihat telah lama wujud dan berkembang semenjak awal kewujudan peradaban manusia, kemunculan budaya popular ini boleh dikaitkan dengan perubahan gaya hidup dan struktur masyarakat. Menurut Aziz Deraman (2003), polisi kedua Kebudayaan Kebangsaan telah menyebut bahawa budaya luar boleh diterima menjadi Budaya Kebangsaan kerana mengambil lihat sifat dinamis budaya yang boleh berubah.

Bukti sejarah menunjukkan bahawa budaya melayu telah mengalami perubahan dan adaptasi sejak awal masihi, ini terjadi kerana kemasukan dan pertembungan budaya asing dengan budaya tempatan. Artikel yang ditulis oleh Kurais pada tahun 2020 yang bertajuk “Rimpu: Adaptasi Budaya Lokal dan Agama” juga telah mengketangahkan konsep adaptasi di dalam budaya (pakaian tradisi). Menurut Kurais, rimpu adalah satu pakaian penutup kepala (wanita) yang telah diadaptasi daripada budaya arab yang disebabkan oleh faktor sosio-budaya (agama). Terdapat sesetengah pihak yang menyatakan bahawa tudung ataupun hijab merupakan budaya arab dan sebaiknya Islam tidak diidentitikan sebagai arab dan mengesyorkan bahawa tudung ataupun hijab ini tidak dijadikan sebagai pakaian wanita islam di Indonesia dan perkara ini tidak dipersetujui dengan hujah bahawa umat Islam di seluruh dunia telah menterjemah ajaran Islam yang bersesuaian dengan konteks ruang dan waktu dan menegaskan bahawa rimpu merupakan satu pakaian yang telah diadaptasi ke dalam budaya masyarakat bima dan bukannya satu identiti arab yang diaplikasikan kepada masyarakat bima.

Artikel yang bertajuk “Perubahan Identitas Melayu di Thailand Selatan” yang ditulis oleh Tan Sri Ismail Hussein & Nik Abdul Rakib Bin Nik Hassan telah membincangkan tentang konsep perubahan indentiti masyarakat melayu di selatan Thai yang disebabkan oleh dasar siamisasi yang dilakukan oleh kerajaan Thailand di dalam usaha untuk mengurangkan jurang antara etnik minoriti melayu dan etnik utama majoriti di nagara itu iaitu masyarakat siam. Artikel yang ditulis oleh Kurais pada tahun 2020 yang bertajuk “Rimpu: Adaptasi Budaya Lokal dan Agama” juga telah mengketangahkan konsep adaptasi di dalam budaya (pakaian tradisi). Menurut Kurais, rimpu adalah satu pakaian penutup kepala (wanita) yang telah diadaptasi daripada budaya arab yang disebabkan oleh faktor sosio-budaya (agama). Terdapat sesetengah pihak yang menyatakan bahawa tudung ataupun hijab merupakan budaya arab dan sebaiknya Islam tidak diidentitikan sebagai arab dan mengesyorkan bahawa tudung ataupun hijab ini tidak dijadikan sebagai pakaian wanita islam di Indonesia dan perkara ini tidak dipersetujui dengan hujah bahawa umat Islam di seluruh dunia telah menterjemah ajaran Islam yang bersesuaian dengan konteks ruang dan waktu dan menegaskan bahawa rimpu merupakan satu pakaian yang telah diadaptasi ke dalam budaya masyarakat bima dan bukannya satu identiti arab yang diaplikasikan kepada masyarakat bima.

2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, di dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan tentang kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang boleh dikaitkan dengan kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji. Terdapat beberapa elemen yang telah difokuskan oleh pengkaji di dalam kajian ini iaitu ritual pembersihan / penolakan bala / penolakan malapetaka, kepentingan agama kepada psikologi semasa penularan wabak dan impak COVID-19 terhadap aktiviti keagamaan.

Tujuan pengkaji memfokuskan kepada elemen ini adalah disebabkan pengkaji ingin menghubungkan elemen ini di dalam kajian pengkaji iaitu kelangsungan upacara Wangkang yang dilakukan semasa penularan pandemik COVID-19. Ini kerana, upacara Wangkang ini sendiri berfungsi sebagai upacara pembersihan yang mana upacara ini dipercayai dapat membersihkan Bandaraya Melaka daripada elemen negatif yang seterusnya memberikan keharmonian, kesejahteraan, kesihatan dan kemakmuran kepada rakyat Malaysia khususnya rakyat di Negeri Melaka. Semasa penularan wabak COVID-19, perintah kawalan pergerakan (PKP) dan kuarantin sendiri telah dilaksanakan bagi individu yang telah dijangkiti dengan wabak ini serta individu yang telah berhubung rapat dengan pesakit COVID-19. Perkara ini telah memberikan kesan yang buruk kepada kesihatan mental akibat perubahan mendadak di dalam aktiviti sosial dan isolasi ataupun kuarantin sendiri yang memburukkan lagi perkara tersebut. Oleh itu pengkaji ingin mengetahui lebih lanjut mengenai hubungkait antara agama dan kesihatan psikologi. Bagi mengawal kadar penularan jangkitan wabak, garis panduan standard operasi prosedur telah diperkenalkan yang mana salah satunya menyatakan sebarang perarakan adalah tidak dibenarkan. Perkara ini telah menyebabkan upacara Wangkang 2020 terpaksa dirangka semula bagi memastikan upacara ini dapat diteruskan seperti mana yang telah dijadualkan.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan satu garis panduan yang penting bagi memastikan setiap kajian yang dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Ini bagi memastikan setiap data dapat diambil adalah lebih sistematik dan tersusun sekaligus, ia dapat disimpan dan direkodkan dengan kemas. Metodologi kajian akan dirancang oleh pengkaji pada peringkat awal bagi memastikan kajian yang dilakukan tidak tersasar dan mampu menjawab segala persoalan yang telah ditimbulkan.

3.1 KAEDAH KAJIAN

Di dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut tentang kaedah kajian yang akan di gunapakai semasa proses mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian ini. Berbeza dengan kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif, data yang diambil dan dikutip daripada proses pemerhatian, soal selidik dan juga analisis dokumen yang berkaitan akan digunakan dalam kajian ini.

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Penyelidikan kualitatif merupakan bentuk kajian yang meliputi kepelbagaian kaedah yang berfokus termasuklah penggunaan kaedah pendekatan naturalistik (Denzin & Lincoln:1994). Data yang diperoleh melalui kaedah kualitatif terdiri daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil perbincangan dan bahan bertulis (Patton:1990). Antara contoh bentuk kajian yang menggunakan kaedah kualitatif adalah berbentuk pemerhatian, kepustakaan, temubual, kajian lapangan dan lain-lain lagi. Cresswell (1994) juga telah memberi takrifan bahawa penyelidikan kualitatif merupakan satu proses inkuiri ke arah pemahaman yang telah didasari dengan kaedah pengumpulan data apabila meninjau kepada permasalahan ataupun sesuatu isu yang ingin dikaji. Kaedah kajian yang akan digunakan di dalam kajian ini adalah kajian lapangan, temubual serta kaedah kepustakaan. Selain itu, nota dan diari pengkaji juga adalah salah satu penyokong utama di dalam mengesahkan kerjalapangan yang telah dijalankan. Menurut Zelditch (1979), pengumpulan data kualitatif haruslah didasari dengan pertimbangan iaitu syarat kecukupan informasi (apakah kaedah tersebut mampu memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan pengertian yang mendalam dan sahih), syarat efisiensi (data dan maklumat yang didapati dengan perbelanjaan yang minimum dan dalam hal waktu, akses dan juga kos dapat dijimatkan) dan syarat pertimbangan etika iaitu kajian yang dilakukan haruslah tidak mengganggu privasi individu, tidak berada di dalam situasi yang berisiko dan berbahaya serta tidak melanggar hak asasi manusia.

i) Pengumpulan Data Kualitatif


Di dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kepustakaan dan menjalankan sesi temubual di samping menggunakan pendekatan pemerhatian. Pertama sekali kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti permasalahan kajian terlebih dahulu. Bagi mengenalpasti permasalahan yang terdapat di dalam kajian, kajian lepas yang telah dibuat akan digunakan bagi mengenalpasti permasalahan yang telah wujud di dalam kajian terdahulu. Kajian lepas ini diperolehi semasa melakukan kajian lapangan bagi mendapatkan data-data sekunder yang boleh dipakai di dalam kajian ini kelak.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang lebih kepada pengukuran dan pada kebiasaannya data akan dipersembahkan di dalam bentuk numerikal. Pendekatan ini turut menggunakan rancangan pengkajian yang bersifat prosedur berstatistik bagi menuji dan mengukur pemboleh ubah di dalam kajian (Othman Talib: 2013). Kaedah Kuantitatif kebiasaannya digunakan di dalam penelitian-penelitian yang bersifat eksplorasi seperti untuk mengkaji tentang persepsi masyarakat (Muhson: 2006).

3.2 REKABENTUK PENYELIDIKAN

Rekabentuk kajian ini adalah kaedah kualitatif yang akan mengkaji tentang Persepsi Masyarakat Terhadap Kelangsungan Upacara Wangkang ketika Penularan COVID-19.



Carta Alir 1: Rekabentuk Kajian

Berdasarkan carta alir di atas, kajian yang dilaksanakan adalah berlandaskan prosedur kajian yang telah ditetapkan supaya objektif kajian dapat dicapai. Prosedur kajian dimulakan dengan mengenalpasti permasalahan kajian dan berakhir dengan membuat kesimpulan.

3.3 KAEDAH KAJIAN

3.3.1 Data Primer

Bagi mendapat data dan maklumat daripada sumber primer, terdapat beberapa pendekatan yang akan digunakan melalui kaedah kualitatif . Antara pendekatan yang akan digunakan adalah:

i) **Kajian Lapangan**


Pengkaji akan pergi ke lokasi di Tokong Yong Chuan Tian kerana tokong tersebut merupakan tokong yang bertanggungjawab di dalam mengadakan upacara Wangkang. Pemilihan lokasi sangatlah penting bagi menerima maklum balas mengenai kelangsungan upacara Wangkang yang dilakukan di negeri Melaka.

ii) **Kaedah Temubual**

Kaedah temubual merupakan salah satu kaedah untuk pengumpulan data dan maklumat yang akan digunapakai di dalam sesebuah kajian. Ahmad Mahdzan (2007) menyatakan bahawa temubual adalah satu proses yang mana pengkaji menemui responden untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih daripada mulut responden itu sendiri. Temubual mendalam pula adalah temubual yang dilakukan secara berulang antara pengkaji dan juga subjek yang dikaji dalam rangka memahami pandangan responden mengenai hidupnya, pengalaman dan situasi sosial di dalam bahasa yang diungkapkan oleh mereka sendiri (Taylor & Bogdan, 1984). Bagi menjalankan kaedah ini, pengkaji akan menemubual beberapa pihak yang berkepentingan di dalam upacara wangkang yang telah dijalankan di Negeri Melaka seperti wakil komuniti (Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia & Ahli Jawatan Kuasa Upacara Wangkang 2020) dan wakil daripada agensi kerajaan (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka).

iii) Kaedah Soal Selidik

Pengkaji akan turun ke lapangan (Tokong Yong Chuan Tian) dan menggedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan data yang diperlukan di dalam kajian ini.



Carta Alir 2: Proses Pembinaan Soalan Temubual

3.3.2 Data Sekunder

Pengkaji juga akan menggunakan sumber sekunder bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian yang terdiri daripada pelbagai bahan bercetak yang dapat membantu menyiapkan kajian ini seperti brosur, majalah, catatan, buku-buku ilmiah dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Dokumen-dokumen rasmi seperti minit mesyuarat dan laporan mesyuarat akan dirujuk bagi menambahkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

i) Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang hanya terdapat di pusat-pusat khusus seperti Perpustakaan Negeri Melaka, Arkib Negeri Melaka dan sebagainya. Ini kerana bahan rujukan berkenaan hanya boleh didapati dan di rujuk di sana sahaja disebabkan data itu mungkin sulit ataupun melibatkan kerahsiaan.

ii) Sumber Internet

Selain menggunakan bahan bacaan ilmiah dan laporan-laporan rasmi badan kerajaan, pengkaji juga akan merujuk kepada bahan-bahan yang terdapat di dalam laman sesawang internet yang diiktiraf. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih banyak, laman-laman web rasmi kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Pentadbiran Berkuasa Tempatan (PBT) turut akan diguna pakai di dalam kajian ini nanti.

3.4 PERSAMPELAN

Menurut Noraini Idris (2016), persampelan adalah suatu proses pemilihan responden kajian daripada suatu kumpulan yang mewakili kumpulan besar yang dipilih. Tujuan persampelan adalah untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi. Menurut Ghaziah Ghazali (2015), sampel dalam kajian ialah kumpulan sumber informasi yang diperlukan oleh pengkaji bagi mewakili populasi yang akan mendapat manfaat daripada dapatan kajian. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan persampelan bukan kebarangkalian. Persampelan bukan kebarangkalian memerlukan pengkaji untuk memilih sampel sesebuah populasi yang telah dikenalpasti melalui ciri-ciri yang telah ditetapkan bagi mendapatkan gambaran ataupun dapatan yang tepat. Pengkaji akan menggunakan teknik '*snow ball*' di dalam pemilihan sampel untuk kajian ini. Teknik *snow ball* ini adalah teknik yang mana sampel terdiri daripada cadangan yang diberikan

oleh seseorang kenalan kepada kenalan yang lain. Oleh itu, pengkaji dapat memilih setiap responden agar objektif kajian dapat dicapai. Temubual yang menggunakan kaedah ini akan tamat setelah pengkaji mendapat data yang diinginkan dan tepat mengikut objektif kajian.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen merujuk kepada peralatan yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menyiapkan kajian ini nanti. Ia digunakan untuk mengumpul rekod data dan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Alatan yang diguna pakai bertujuan untuk memudahkan pengkaji menjalankan kajian seperti merekod teks temubual, kerja-kerja di lapangan serta lain-lain lagi. Antara instrumen yang di gunapakai di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

3.5.1 Kamera

Kamera digital akan digunakan oleh pengkaji bagi merakam gambar dan maklumat bagi tujuan rekod misalnya ketika kerja lapangan sedang dilakukan dan gambar-gambar haruslah dirakam untuk dimasukkan sebagai lampiran dan juga bukti sebagai rekod untuk penghasilan dokumentari.

3.5.2 Telefon Pintar

Telefon pintar akan digunakan oleh pengkaji semasa melakukan proses temubual tidak berstruktur bersama responden. Telefon pintar akan digunakan sebagai *platform* untuk menemuramah responden. Ini dilakukan kerana semasa penularan pandemik COVID-19, kebanyakan temuramah tidak dapat dilakukan secara bersemuka dan akan dijalankan secara atas talian.

3.5.3 Buku Catatan

Semasa melakukan kerja lapangan, buku catatan akan digunakan bagi mencatat segala peristiwa yang berlaku. Segala dapatan kajian juga akan direkodkan di dalam buku catatan oleh pengkaji seperti jawapan daripada responden semasa sesi temubual berlangsung bagi memastikan tiada maklumat yang akan tercicir.

3.5.4 Alat Perakam Suara

Bagi memastikan pengkaji mendapat keterangan yang jelas, alat perakam suara akan digunakan bagi membantu pengkaji untuk mengingat kembali apa yang telah dituturkan oleh responden.

3.5.5 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik akan digunakan pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan secara terus daripada responden. Menurut Noraini Idris (2016) soal selidik merupakan alat ukur yang paling praktikal dan berkesan bagi kajian tinjauan selain itu, alat ukur ini dapat mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga semasa proses pengumpulan data.

3.6 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, metodologi kajian merupakan satu proses yang penting di dalam kajian. Ini dikatakan kerana, di dalam menghasilkan kajian yang berkualiti, pengkaji harus bijak di dalam memilih kaedah yang bersesuaian bagi mencapai matlamat dan objektif yang hendak dikaji.

Di dalam bab ini pengkaji telah menghuraikan kaedah penyelidikan dan instrumen yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah campuran bagi mendapatkan maklumat dan data yang lebih berkualiti, ini dapat dikatakan kerana pengkaji bukan sahaja mendapatkan data dan maklumat daripada pihak komuniti malah data turut diambil daripada agensi kerajaan yang berkaitan.



BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Melaka merupakan negeri yang kaya dengan khazanah warisan budaya sama ada di dalam warisan ketara mahupun warisan budaya tidak ketara. ini dapat dilihat apabila Bandaraya Melaka telah diisytiharkan sebagai “Bandaraya Bersejarah” oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1989 oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad dan diikuti dengan pengiktirafan “Tapak Warisan Dunia” oleh UNESCO pada tahun 2008 (Konvensyen Perisytiharan Melaka, 1989; UNESCO, 2008). Bukan sahaja warisan ketara di Melaka diiktiraf malah warisan seperti seni persembahan ‘dondang sayang’ serta ‘upacara Wangkang’ turut diiktiraf UNESCO sebagai warisan tidak ketara yang wujud di Melaka. Kepelbagaian etnik minoriti seperti etnik Serani (Portugis-Melayu), Baba Nyonya (Cina Peranakan) serta etnik Chetti (India Peranakan) meningkatkan lagi kekayaan kebudayaan dan warisan yang wujud di bumi Hang Tuah ini.

Pandemik COVID-19 telah merubah landskap kehidupan manusia. Ini kerana dalam sekelip mata, pelbagai sektor telah menerima tamparan hebat kesan daripada penularan wabak berkenaan termasuklah sektor kebudayaan. Pelbagai prosedur operasi standard telah diperkenalkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang penyebaran wabak penyakit ini.

Di dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan data dan analisis yang diperoleh daripada kajian berdasarkan objektif kajian yang telah

ditetapkan oleh pengkaji iaitu yang pertama, mengenalpasti kelangsungan upacara Wangkang di Melaka semasa penularan wabak COVID-19, kedua adalah mengkaji tentang penerimaan masyarakat terhadap upacara Wangkang semasa penularan COVID-19 dan objektif terakhir adalah membincangkan tentang kaedah yang bersesuaian bagi merencanakan kembali upacara Wangkang di Negeri Melaka pada masa akan datang.

4.1 MENGENALPASTI KELANGSUNGAN UPACARA WANGKANG DI MELAKA SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

Secara umumnya, upacara Wangkang adalah satu acara ataupun perayaan besar yang berlangsung selama beberapa hari yang melibatkan patung “Ong Yah” atau lebih dikenali sebagai “datuk” oleh masyarakat tempatan semasa perarakan kapal Wangkang. Perkataan Wangkang terdiri daripada gabungan dua buah perkataan iaitu “wang” yang bermaksud raja ataupun Ong Yah manakala “kang” pula merujuk kepada tongkang ataupun kapal dan gabungan dua perkataan ini membawa maksud “kapal diraja” ataupun “kapal Ong Yah”. Pada awalnya, kapal Wangkang ini dipercayai berukuran sebesar lapan belas kaki dengan Sembilan kaki. Saiz kapal akan berubah pada setiap kali upacara dilakukan. Ini kerana saiz kapal Wangkang akan dibina lebih besar daripada kapal Wangkang di dalam upacara terdahulu. Perayaan Wangkang akan berakhir dengan pembakaran kapal Wangkang di tepi laut.

Upacara Wangkang merupakan satu upacara yang jarang dilakukan kerana upacara Wangkang hanya dapat dilakukan jika telah mendapat arahan daripada “datuk” untuk melaksanakannya. Seperti upacara Wangkang terdahulu, upacara Wangkang biasanya berlangsung pada bulan November dan pada tahun 2020, upacara ini telah diarahkan oleh “datuk” untuk dilakukan pada November tahun tersebut dan semenjak tahun 2017, segala persiapan telah dilakukan dan Datuk Ranald Gan yang merupakan pengerusi bagi persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia telah dipilih untuk mempengerusikan ritual ataupun perayaan pada tahun tersebut.

Menurut Datuk Ranald Gan, upacara Wangkang yang telah diadakan pada tahun 2020 mendapat sambutan dan penerimaan yang baik daripada komuniti Cina khususnya etnik peranakan Baba Nyonya. Upacara Wangkang telah berjalan dengan lancar seperti mana yang telah dijadualkan akan tetapi terdapat sedikit perubahan yang dilakukan pada upacara pada kali ini berbanding upacara yang terdahulu. Ini kerana pada tahun tersebut semua program yang dilaksanakan haruslah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan ini termasuklah upacara Wangkang. Menurut beliau lagi, beliau tiada masalah untuk mematuhi garis panduan operasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara kerana SOP yang dirangka oleh MKN adalah bertujuan untuk melindungi orang ramai dan perkara ini adalah selari dengan falsafah yang terkandung di dalam upacara Wangkang iaitu untuk memastikan keharmonian, kesejahteraan, kemakmuran dan kesihatan rakyat Malaysia khususnya rakyat Melaka itu terjamin.

Dengan kerjasama daripada semua pihak termasuklah beberapa agensi kerajaan, upacara Wangkang yang telah dijadualkan dapat dilakukan dengan jayanya. Ini kerana kesemua ritual kecil yang terkandung di dalam upacara ini berjaya dilaksanakan dengan baik dan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan. Selain itu, upacara Wangkang yang telah berlangsung pada tahun 2020 juga telah menggunakan sepenuhnya dana daripada sumbangan orang ramai. Situasi ini berbeza dengan upacara Wangkang yang telah dilakukan pada tahun 2012 apabila Tokong Yong Chuan Tian mendapat sokongan dari segi kewangan daripada Kerajaan Negeri dan Kementerian Pelancongan Malaysia Pejabat Melaka yang masing-masing berjumlah sebanyak RM15,000.00 dan RM10,000.00.

i) Limbungan Kapal

Antara ritual ataupun proses pertama yang dilakukan bagi menjayakan upacara Wangkang adalah pembinaan limbungan kapal. Limbungan kapal ini telah dibina di bahagian belakang Tokong Yong Chuan Tian. Limbungan kapal ini dibina bertujuan untuk tempat yang mana kapal Wangkang akan dibina dan seterusnya disimpan sementara menunggu Upacara Wangkang.



Gambar 1: Ahli Jawatan Kuasa Upacara Wangkang 2020 Bergambar Di Hadapan Limbongan Kapal Wangkang

Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

ii) Tanglung

Di dalam upacara ini, terdapat 2 jenis tanglung berbeza yang diguna pakai sebelum dan semasa upacara atau perayaan ini berlangsung. Kedua jenis tanglung ini mempunyai fungsi yang sama iaitu memanggil dan memberi petanda kepada semangat-semangat atau roh yang berkeliaran untuk datang ke Tokong Yong Chuan Tian kerana Upacara Wangkang akan diadakan. Tanglung buluh akan dinaikkan di kawasan Tokong Yong Chuan Tian untuk memanggil semangat dan roh yang berada di sekitar Bandaraya Melaka manakala tanglung air pula akan dihanyutkan di kawasan laut untuk memanggil semangat dan roh yang berkeliaran di kawasan perairan Selat Melaka.



Gambar 2



Gambar 3

Gambar 2: Tanglung Buluh Yang Ditempatkan Di Hadapan Pintu Masuk Tokong Yong Chuan Tian

Gambar 3: Tanglung Air Yang Dihanyutkan Di Kawasan Pantai Di Selat Melaka

Sumber : Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

iii) Upacara Penyediaan Lunas Kapal

Di dalam upacara Wangkang terdahulu, Ong Yah ataupun “datuk” akan memberikan arahan di mana lokasi sumber kayu yang bakal digunakan sebagai lunas kapal. Akan tetapi, bagi tahun 2020, Ong Yah memberikan kebebasan kepada ahli jawatankuasa untuk memilih atau mendapatkan kayu untuk dijadikan lunas kapal Wangkang. Kebiasaannya, kayu untuk membuat lunas kapal ini akan menggunakan kayu keras seperti sebagai kayu merbau. Setelah itu, bermulalah proses kerja-kerja pertukangan untuk membuat kapal di limbongan kapal Wangkang.



Gambar 4



Gambar 5

Gambar 4: Majlis Pelancaran Upacara Bagi Penyediaan Lunas Kapal Wangkang

Gambar 5: Proses Pembuatan Kapal Wangkang


Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

iv) Pengambilan air di Perigi Hang Li Po (Perigi Raja)

Kapal dan air adalah dua perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, antara aktiviti utama di dalam upacara Wangkang adalah melabuhkan sauh kapal ke dalam air, dan sumber air yang digunakan di dalam upacara ini diperoleh daripada perigi Hang Li Po yang turut dikenali sebagai Perigi Raja. Ini kerana menurut Datuk Ranald Gan, air di perigi itu cukup istimewa kerana terdapat lagenda yang menyatakan bahawa ‘jika sesiapa yang meminum air daripada perigi ini, suatu hari nanti, dia pasti akan kembali ke Melaka semula di masa hadapan’ dan disebabkan lagenda inilah sumber air bagi merendam sauh kapal Wangkang diambil dari perigi ini dengan harapan bahawa suatu hari nanti Upacara Wangkang akan kembali diadakan di Negeri Melaka (pada hari kedua).



Gambar 6



Gambar 7



Gambar 8

Gambar 6: Mantera Dibacakan Oleh Sami Taoisme Sebelum Pengambilan Air Di Perigi Hang Li Poh

Gambar 7: Proses Pengambilan Air Di Perigi Hang Li Poh Atau Perigi Raja

Gambar 8: Sauh Kapal Wangkang Dilabuhkan Dan Diletakkan Di Dalam Pasu Besar Yang Berisi Air Dari Perigi Hang Li Poh

Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

v) Upacara Sembahyang

Pada hari ketiga hingga hari ketujuh, pelbagai aktiviti keagamaan telah dilakukan. Pertama sekali, mereka akan bersembahyang untuk memberi tahu kepada syurga bahawa upacara Wangkang akan diadakan dan mereka akan menjemput 'datuk' ataupun dewa-dewa yang berada di syurga untuk turut hadir di dalam upacara Wangkang. Selain itu, mereka juga bersembahyang dan berdoa kepada Maharaja Jed (*Yù Huáng*) serta bersembahyang dan berdoa kepada Ong Yah. Segala ritual keagamaan ini akan diketuai oleh sami Taoisme (*Sai Kong*).

vi) Perarakan Wangkan

Antara perbezaan ketara adalah dari segi perarakan itu sendiri. Upacara Wangkang akan melibatkan perarakan kapal Wangkang bersama beberapa sampan iringan. Walaubagaimanapun, pada tahun 2020, semua jenis perarakan tidak dibenarkan sepertimana yang termasuk dalam garis panduan prosedur operasi standard (SOP) perintah kawalan pergerakan (PKP), namun atas usaha Datuk Ronald Gan (Presiden Upacara Wangkang pada tahun 2020), upacara ini dapat diteruskan dengan beberapa perubahan iaitu kapal Wangkang tidak dibenarkan berarak akan tetapi sampan iringan akan tetap berarak di 28 perhentian yang telah dirancang.

Selain itu, perbezaan yang ketara adalah dari segi jumlah penganut yang turut serta di dalam perarakan. Pada tahun 2020, kesemua sempadan antarabangsa dan negeri

terpaksa ditutup bagi mengelakkan penularan wabak dan ini sekaligus menyebabkan jumlah penganut yang dapat turut serta di dalam upacara Wangkang ini berkurangan dengan mendadak jika hendak dibandingkan dengan upacara Wangkang pada tahun 2012. Upacara Wangkang merupakan satu tarikan pelancongan kebudayaan di Melaka, kerana setiap kali upacara Wangkang dilakukan, ribuan pelancong dari dalam dan luar negara akan turut hadir dan secara tradisinya apabila Melaka melakukan upacara Wangkang, terdapat wakil daripada Tanah Besar Cina yang akan turut serta di dalam upacara ini dan begitu juga sebaliknya jika China menganjurkan Upacara Wangkan, wakil daripada Tokong Yong Chuan Tian akan turut serta di sana. Kebiasaannya, perarakan ini akan mengambil masa sekitar tujuh ke lapan jam dan berbeza untuk upacara Wangkang pada tahun 2020 yang hanya mengambil masa satu jam dan dilakukan pada awal pagi dan ini dibuat bagi memastikan upacara ini dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP). Tujuan utama perarakan ini dilakukan agar dapat menjemput roh-roh dan semangat yang berkeliaran untuk pergi ke tokong dan dijamu sebelum menaiki kapal Wangkang untuk menyertai Ong Yah sebagai tentera. Perarakan Wangkang pada tahun 2020 hanyalah terhad kepada 150 orang ahli jawatankuasa Program Wangkang 2020 tanpa melibatkan orang awam.



Gambar 9



Gambar 10

MALAYSIA

KELANTAN

Gambar 9: Perarakan Kapal Wangkang Pada Tahun 2012

Gambar 10: Perarakan Kapal Wangkang Pada Tahun 2012

Sumber: Google Image



Gambar 11: Sampan Yang Digunakan Untuk Menjemput Roh Dan Semangat Menggantikan Kapal Wangkang

Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2012)



Gambar 12

Gambar 12: Perarakan Wangkan Menggunakan Sampan Tanpa Kehadiran Kapal Wangkang

Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2012)

vii) Jamuan Besar

Jamuan makan besar akan diadakan bagi menjamu roh-roh dan para dewa Ong Yah yang baru tiba di tokong. Di dalam jamuan makan besar ini, roh-roh semangat dan dewa Ong Yah telah disajikan dengan sejumlah 108 buah sajian berbeza yang terdiri daripada buah-buahan, kuih muih, nasi, lauk pauk, arak dan lain-lain lagi. Kesemua sajian ini telah didermakan oleh komuniti tempatan. ini Jamuan ini diberikan sebelum mereka dihantar ke Pulau Gadek, Melaka Menggunakan kapal Wangkang.



Gambar 13: Jamuan Besar Yang Disajikan Untuk Roh-Roh Dan Dewa Ong Yah Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

viii) Pembakaran Kapal Wangkang

Setelah selesai jamuan besar pada hari kesepuluh, kapal Wangkang dibawa keluar daripada limbongan untuk menuju ke Pulau Gadek, Melaka untuk upacara terakhir iaitu pembakaran kapal Wangkang. Pembakaran kapal Wangkang adalah kemuncak upacara Wangkang yang diraikan oleh kaum Cina Hokkien khususnya etnik Peranakan Baba Nyonya di Melaka. Sebelum memulakan pembakaran, kapal Wangkang akan dimuatkan dengan barangan keperluan seperti makanan, arak, wang emas dan tembaga. Setelah itu, ritual agama kepercayaan Taoisme akan dilakukan sebelum mencapai kemuncak program iaitu pembakaran kapal Wangkang sebagai tanda menghantar Ong Yah dan roh yang berada di kapal untuk pergi ke alam lain.



Gambar 14



Gambar 15



Gambar 16



Gambar 17



Gambar 18



Gambar 19



Gambar 20



Gambar 21

Gambar 14: Kapal Wangkang Dibawa Keluar Daripada Limbongan

Gambar 15: Kapal Wangkang Sedang Menuju Ke Pulau Gadek, Melaka

Gambar 16: Kapal Wangkang Sedang Menuju Ke Pulau Gadek, Melaka

Gambar 17: Kapal Wangkang Di Isi Dengan Muatan Barangan Keperluan Untuk Kegunaan Roh-Roh Dan Dewa Ong Yah

Gambar 18: Ritual Akhir Sebelum Kapal Wangkang Di Bakar Telah Dilakukan

Gambar 19: Ritual Akhir Sebelum Kapal Wangkang Di Bakar Telah Dilakukan

Gambar 20: Kapal Wangkang Mula Dibakar Setelah Ritual Tamat

Gambar 21: Suasana Ketika Kapal Wangkang Di Bakar Dirakam Dari Sudut Atas

Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

4.2 PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP UPACARA WANGKANG YANG DIJALANKAN SEMASA PENULARAN COVID-19


Bagi mendapatkan data mengenai objektif ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen bagi mencapai objektif kajian. Sebanyak 32 orang responden telahpun mengisi borang soal selidik yang telah diedarkan secara rawak dan hasil analisa data objektif kajian ini akan dipaparkan. Semasa proses megumpulkan data, pengkaji menghadapi kekangan seperti penularan wabak, kurangnya orang berkunjung ke tokong serta kesukaran untuk mendapatkan data yang tepat bagi mengetahui jumlah populasi penganut aliran cina tradisional Taoisme, yang menyebabkan pengkaji hanya mendapat sebanyak 32 orang responden.

MALAYSIA

KELANTAN

4.2.1 Bahagian A: Demografi Responden

i) Jantina



Rajah: Pecahan Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)


Bil	Jantina	Jumlah (orang)	Jumlah (%)
1	Lelaki	24	75
2	Wanita	8	25
	JUMLAH	32	100

Jadual 1: Peratusan Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Hasil daripada analisa kajian lapangan mendapati bahawa majoriti responden terdiri daripada jantina lelaki iaitu sebanyak 24 orang yang mewakili 75 % jumlah responden. Bagi responden yang terdiri daripada kalangan wanita pula berjumlah 8 orang ataupun sebanyak 25% daripada keseluruhan responden.

ii) Peringkat Umur



Rajah 4: Pecahan Peringkat Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Bil	Peringkat Umur	Jumlah (orang)	Peratusan (%)
1	17 tahun dan ke bawah	0	0
2	18 tahun – 30 tahun	4	12.5
3	31 tahun – 59 tahun	10	31.25
4	60 tahun ke atas	18	56.25
	JUMLAH	32	100


Jadual 2: Pecahan Peringkat Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti responden terdiri daripada golongan warga emas iaitu golongan yang terdiri daripada peringkat umur 60 tahun dan ke atas dengan peratusan sebanyak 56.25%, diikuti dengan peringkat umur 31 tahun sehingga

59 tahun (dewasa) sebanyak 31.25% dan yang terakhir adalah peringkat umur 18 tahun sehingga 30 tahun (belia) sebanyak 12.5%.

iii) Peringkat Pendidikan




Bil	Peringkat Pendidikan	Jumlah (orang)	Jumlah (%)
1	Sekolah Rendah	1	3.1
2	Sekolah Menengah	16	50
3	SPM & Setaraf	4	12.5
4	Diploma & setaraf	3	9.4
5	Ijazah sarjana muda/ Ijazah sarjana / Doktor Falsafah	8	25
	JUMLAH	32	100

Jadual 3: Pecahan Peringkat Pendidikan Tertinggi Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Hasil daripada maklumbalas responden mendapati bahawa sejumlah reponden yang tamat pendidikan di sekolah rendah adalah sebanyak seorang (3.1%), 16 orang (50%) di sekolah menengah, 4 orang (12.5%) di peringkat SPM dan setaraf, manakala 3 orang (9.4%) di peringkat diploma dan setaraf manakala selebihnya iaitu 8 orang (25%) di peringkat Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana/ Doktor Falsafah.

iv) Sektor Pekerjaan Responden



Rajah 6: Pecahan Sektor Pekerjaan Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)


Bil	Sektor Pekerjaan	Jumlah (Orang)	Jumlah (%)
1	Kerajaan	1	3.1
2	Swasta	12	37.5
3	Pesara	15	46.9
4	Tidak Bekerja	2	6.3
5	Pelajar	3	9.4
	JUMLAH	32	100

Jadual 4: Pecahan Sektor Pekerjaan Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Hasil analisa maklumat responden, pengkaji mendapati sebanyak seorang (3.1%) daripada keseluruhan responden bekerja sebagai kakitangan awam, 12 orang (37.5%) bekerja di sektor swasta, 15 orang (46.3%) terdiri daripada golongan pesara, 2 orang (6.3%) tidak bekerja dan selebihnya (9.4%) merupakan golongan pelajar.

v) Status Reponden



Rajah 7: Pecahan Status Responden

Sumber: Kajian Lapang

Bil	Status	Jumlah (Orang)	Jumlah (%)
1	Bujang	9	28.1
2	Berkahwin	22	68.8
3	Lain-lain	1	3.1
	Jumlah	32	100

Jadual 5: Pecahan Status Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Daripada keseluruhan 32 orang responden, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 9 orang responden yang mewakili sebanyak 28.1% terdiri daripada golongan bujang, 22 orang ataupun 68.8% merupakan golongan yang sudah berkahwin dan baki sebanyak seorang ataupun 3.1% merupakan kategori lain-lain.

4.2.2 Bahagian B: Kesedaran Mengenai COVID-19

Pada bahagian ini, pengkaji ingin mengetahui tentang sejauhmanakah responden mengetahui tentang COVID-19 secara umum. Soalan pertama yang diajukan di dalam bahagian ini adalah adakah responden mengetahui akan bahayanya COVID-19. Respon yang didapati daripada kesemua responden (32 orang) bahawa mereka mengetahui akan kesan bahayanya COVID-19 ke atas manusia. Ini berkemungkinan disebabkan oleh virus COVID-19 merupakan suatu perkara yang baharu dan telah menjadi topik yang hangat diperkatakan di seluruh negara dan pelbagai maklumat mengenai bahayanya COVID-19 boleh didapati di mana sahaja misalnya media cetak, media elektronik, media sosial dan sebagainya.

Soalan kedua pula adalah adakah responden mengetahui akan cara penyebaran wabak COVID-19. Sekali lagi kesemua responden (100%) menyatakan bahawa mereka mengetahui akan cara penyebaran virus COVID-19. Cara penyebaran COVID-19 yang sangat pantas dan boleh membawa maut telah menyebabkan lebih ramai rakyat Malaysia khususnya responden mengambil tahu tentang cara penyebaran virus tersebut dan sekaligus mengambil tahu tentang langkah pencegahan untuk mencegah daripada terkena jangkitan. Usaha pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) di dalam mendidik rakyat Malaysia mengenai virus maut ini menyebabkan kesemua responden dapat mempelajari dan sekaligus mengetahui tentang cara penyebaran virus ini.

Soalan seterusnya pula adalah adakah responden mengikuti perkembangan COVID-19. Pada kali ini juga, kesemua responden bersetuju bahawa mereka mengambil tahu tentang perkembangan COVID-19. Berkemungkinan besar peningkatan kes kumulatif dan angka kes kematian yang melibatkan virus COVID-19 menyebabkan ramai rakyat Malaysia khususnya responden mengambil tahu akan perkembangan COVID-19. Selain itu, aplikasi MySejahtera yang merupakan aplikasi yang wajib untuk dimuat turun oleh rakyat Malaysia dan permastautin di negara ini turut mempunyai fungsi untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai COVID-19

menyebabkan maklumat dapat diterima dengan lebih pantas dan memudahkan kesemua responden mengikuti perkembangan mengenai COVID-19 ini.

Berdasarkan analisis data pada bahagian ini dapat disimpulkan bahawa kesemua responden mengetahui tentang bahaya, cara penyebaran dan peka dengan situasi semasa mengenai pandemik COVID-19 yang sedang menular di negara ini termasuklah di Negeri Melaka.

4.2.3 Bahagian C: Upacara Wangkang

Pada bahagian ini, pengkaji ingin menganalisa tentang penerimaan masyarakat terhadap upacara Wangkang yang telah dilakukan semasa penularan COVID-19. Berdasarkan analisa yang telah dibuat, masih ada lagi kelompok masyarakat yang tidak mengetahui akan kewujudan Upacara Wangkang yang telah dilakukan di Bandaraya Melaka. Daripada 32 orang responden, terdapat seorang responden iaitu 3.1% tidak mengetahui akan upacara Wangkang yang telah dilakukan di bandar ini. Ini mungkin disebabkan upacara ini adalah satu upacara yang jarang dilakukan sehingga menyebabkan sesetengah masyarakat tidak mengetahui tentang upacara ini. Selain itu, sejumlah 15.6% (5 orang) daripada jumlah keseluruhan responden tidak mengetahui bahawa upacara Wangkang telah didaftarkan di peringkat antarabangsa UNESCO sebagai warisan tidak ketara. Ini terjadi kerana sesetengah masyarakat terutamanya masyarakat yang terdiri daripada golongan warga emas tidak mengambil peduli akan pengiktirafan tetapi mereka lebih mengambil perhatian terhadap kelangsungan upacara Wangkang itu sendiri.

Bagi soalan seterusnya, responden telah diajukan soalan adakah responden mengetahui bahawa upacara Wangkang adalah bertujuan untuk membersihkan Bandaraya Melaka daripada roh-roh jahat, unsur negatif dan seterusnya menjamin keamanan, kesejahteraan, kesihatan dan kebahagiaan komuniti akan terjamin. Berdasarkan analisa jawapan responden, didapati bahawa sebanyak 5 orang ataupun


15.6% responden tidak mengetahui tujuan upacara ini dijalankan. Perkara ini mungkin berlaku kerana kurangnya aktiviti untuk mempromosikan budaya ini.

Bagi soalan keempat pula, daripada 32 orang responden, sebanyak 87.5% (28 orang) mengambil tahu tentang perkembangan upacara Wangkang dan selebihnya 12.5% (4 orang) tidak mengambil tahu perkembangan upacara Wangkang yang dijalankan. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh tiadanya jangka masa waktu yang tetap untuk menjalankan upacara ini. Upacara Wangkang terdahulu mempunyai jarak tahun yang berbeza antara satu sama lain. Misalnya, upacara Wangkang pada abad ke 21 ini telah berlaku pada tahun 2001 iaitu 68 tahun selepas upacara yang terdahulu iaitu pada tahun 1933 dan yang terkini, upacara Wangkang pada tahun 2020 mempunyai jarak masa selama 8 tahun daripada upacara Wangkang yang telah dilakukan pada tahun 2012. Upacara Wangkang adalah satu upacara yang istimewa dan tidak boleh dilakukan sesuka hati dan hanya dilakukan apabila diberikan petunjuk atau arahan daripada Ong Yah untuk melakukannya.

Bagi soalan kelima pula iaitu adakah responden mengetahui bahawa upacara Wangkang telahpun dilakukan pada bulan November tahun 2020 iaitu semasa berlakunya penularan COVID-19. Maklumbalas yang sama diterima dengan soalan sebelumnya iaitu sebanyak 12.5% ataupun sebanyak 4 orang tidak mengetahui bahawa upacara Wangkang telah dilakukan oleh Tokong Yong Chuan Tian walaupun persiapan untuk mengadakan upacara ini telah mula dilakukan semenjak tahun 2017 lagi. Perkara ini berlaku berkemungkinan besar disebabkan oleh penularan wabak itu sendiri yang mana, terdapat penganut ataupun responden yang tidak menyangkakan bahawa Upacara Wangkang akan tetap dilakukan seperti yang dijadualkan.

Bagi soalan seterusnya pula, pengkaji bertanyakan kepada responden mengenai upacara Wangkang yang dijalankan pada tahun 2020 dan responden diberikan dua buah jawapan sama ada perlu dijalankan ataupun tidak perlu dijalankan kerana sedang berlaku penularan COVID-19. Maklum balas yang diberikan adalah majoriti responden sebanyak 93.8% (30 orang) bersetuju bahawa upacara ini perlu dilakukan bagi

membasmi wabak COVID-19. Perkara ini selari dengan kepercayaan mereka bahawa upacara Wangkang merupakan satu proses untuk menjemput roh-roh merayau dan unsur negatif yang terdapat di persekitaran Bandaraya Melaka untuk berkhidmat sebagai tentera Ong Yah supaya keamanan, kemakmuran, kesihatan dan seterusnya kebahagiaan komuniti terjamin. Di dalam kes ini, COVID-19 dilihat sebagai satu unsur negatif yang menjadi punca kepada masalah kesihatan, sosial dan ekonomi. Dalam pada itu, terdapat juga kelompok masyarakat yang menyatakan bahawa upacara Wangkang tidak perlu dilakukan kerana sedang berlaku penularan wabak COVID-19. Perkara ini mungkin disebabkan oleh faktor kerisauan terhadap COVID-19.



Rajah 8: Graf Maklum Balas Responden Terhadap Faktor Yang Dirasakan Bersesuaian Dengan Kelangsungan Upacara Wangkang Pada Tahun 2020

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Soalan berikutnya responden ditanyakan perasaan mereka tentang upacara Wangkang yang telah dilakukan pada tahun 2020 dari sudut warisan budaya. Di dalam soalan ini, responden diberikan empat pilihan jawapan dan diberikan kebebasan untuk memilih pernyataan yang mereka berasakan bersesuaian dengan upacara Wangkang pada tahun 2020. Setelah analisa dijalankan, didapati sebanyak 29 orang responden (90.6%) bersetuju bahawa upacara Wangkang yang telah dilakukan pada tahun 2020 penting kerana ia merupakan salah satu usaha di dalam memelihara warisan kebudayaan Peranakan Baba Nyonya. Selain itu, sebanyak 28 orang responden (87.5%) bersetuju bahawa upacara ini perlu dilakukan kerana ia merupakan tinggalan generasi lalu dan sebanyak 27 orang responden (84.4%) turut bersetuju bahawa upacara Wangkang yang dijalankan pada tahun 2020 dapat memperkayakan lagi warisan budaya di Negeri Melaka dan hampir kesemua responden iaitu 31 orang (96.9%) bersetuju bahawa upacara Wangkang perlu dilakukan kerana ia menghubungkan generasi masa kini dengan generasi masa lalu.

Soalan terakhir yang ditanyakan pada responden adalah adakah responden menyertai mana-mana aktiviti di dalam upacara Wangkang. Soalan ini penting untuk mengetahui jika responden sebagai masyarakat awam menyertai upacara Wangkang pada tahun tersebut. Ini kerana terdapat aktiviti yang telah dihadkan dan penglibatannya terhad kepada ahli jawatankuasa dan penggerak program sahaja seperti perarakan dan membawa kapal Wangkang ke Pulau Gadek serta pembakaran Kapal Wangkang. Selain daripada aktiviti tersebut, orang awam bebas untuk menyertai aktiviti yang terdapat di dalam upacara Wangkang seperti jamuan besar, sembahyang, berdoa dan lain-lain aktiviti. Daripada hasil dapatan kajian mendapati bahawa seramai 23 orang (71.9%) telah menyertai aktiviti upacara Wangkang pada tahun tersebut, manakala 9 orang lagi tidak menyertai upacara tersebut.

Antara faktor yang mendorong mereka untuk menyertai upacara Wangkang adalah kepercayaan kepada upacara ini. Selain itu, terdapat responden yang merasakan bahawa ia merupakan satu tanggungjawab mereka sebagai generasi hari ini untuk melestarikan warisan budaya mereka dan seterusnya mewariskan budaya ini kepada generasi baharu kelak. Manakala, antara faktor utama bagi masyarakat yang tidak

menyertai adalah kebimbangan terhadap wabak COVID-19 itu sendiri. Ini kerana pada waktu tersebut, virus COVID-19 masih lagi agak baharu dan ketiadaan vaksin dan ubat-ubatan khusus untuk COVID-19 pada ketika itu telah membimbangi mereka sehingga mereka memilih untuk tidak menyertai upacara berkenaan.

Kesimpulan yang boleh kita dapati pada bahagian ini adalah majoriti masyarakat menerima usaha yang dilakukan oleh Tokong Yong Chuan Tian di dalam melakukan upacara Wangkang semasa penularan COVID-19. Ini kerana mereka berpegang teguh dengan kepercayaan mereka bahawa upacara Wangkang mampu mengangkat COVID-19 daripada terus berlaku atau setidaknya mengurangkan kesan sampingan yang telah disebabkan oleh pandemik ini.

4.3 KAEDAH YANG BERSESUAIAN BAGI MERANCAKKAN KEMBALI UPACARA WANGKANG DI NEGERI MELAKA PADA MASA AKAN DATANG

Bagi mendapatkan data yang berkualiti, pengkaji telah menemubual sebanyak 3 orang iaitu 2 daripada pihak komuniti dan satu daripada pihak agensi kerajaan. Pengkaji telah cuba untuk mendapatkan temu bual bersama agensi kerajaan yang lain, akan tetapi atas factor penularan wabak dan kekangan masa hanya seorang sahaja daripada agensi kerajaan yang dapat pengkaji menemu bual.

Hasil daripada perbincangan bersama Datuk Ronald Gan iaitu Presiden Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia, Encik Lai Poon Ken (Ahli Jawatan Kuasa Muzium Wangkang) serta Cik Ezlina Alias (Pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Melaka (JKKN Melaka), terdapat beberapa usaha yang telah diambil dan perancangan pada masa hadapan bagi merancakkan dan mempromosikan upacara Wangkang yang dilakukan di Negeri Melaka.

Antara usaha yang telah dijalankan bagi mempromosikan budaya ini adalah mendirikan Gerbang Warisan Kebangsaan Wangkang berdekatan dengan Muzium Wangkang di Jalan Parameswara, Melaka. Menurut Datuk Ronald Gan, pada ketika ini, ramai lagi masyarakat yang masih tidak mengetahui akan upacara Wangkang yang telah dilakukan di Melaka. Gerbang ini penting bukan sahaja mampu memberitahu kepada masyarakat bahawa wujud upacara Wangkang di Melaka, malah dapat memberitahu kepada masyarakat bahawa warisan ini telah digazetkan sebagai sebuah warisan budaya tidak ketara di peringkat kebangsaan. Tambahnya lagi, walaupun gerbang ini tidak dapat memberitahu sepenuhnya apa itu upacara Wangkang, tetapi ia setidaknya membuatkan masyarakat sedar akan kewujudan perkataan “Wangkang” itu sendiri, dan perlahan-lahan masyarakat akan mempelajari apakah upacara Wangkang itu sendiri.



Gambar 22



Gambar 23

Gambar 22: Gerbang Warisan Kebangsaan Yang Diambil Dari Sudut Atas

Gambar 23: Keratan Rentas Gerbang Warisan Dari Sudut Hadapan

Sumber: Google Image

Selain itu, tugu Wangkang telah siap dibina pada tahun lepas di *Melaka Gateway*, Pulau Melaka. Tugu ini terdiri daripada tiga buah bahagian iaitu bahagian tapak asas, tiang dan ukiran kapal. Bahagian kapal diukir berbentuk kapal lama Cina dan ia dikatakan mencapai berat keseluruhan sebanyak 27 tan. Tugu ini dipercayai dapat dijadikan salah satu produk pelancongan budaya di Negeri Melaka dan sekaligus mempromosikan warisan budaya ini dengan lebih meluas.



Gambar 24



Gambar 25

Gambar 24: Tugu Wangkang

Gambar 25: Tugu Wangkang Setelah Siap Di Bina

Sumber: Facebook Rasmi Tokong Yong Chuan Tian (2020)

Bagi mempromosikan Upacara Wangkang, Ahli Jawatankuasa Tokong Yong Chuan Tian telah menggunakan media sosial mereka untuk mempromosikan dan menghebahkan maklumat mengenai upacara Wangkan misalnya, beberapa acara ataupun ritual yang terdapat di dalam upacara Wangkang pada tahun 2020 telahpun disiarkan secara langsung di *Facebook* rasmi Tokong Yong Chuan Tian iaitu 勇全殿 (*The Court Of Bravery*).

Dari pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka (JKKN Melaka) sendiri telah menyambut baik usaha berterusan yang di buat oleh komuniti peranakan Baba Nyonya. Antara usaha JKKN Melaka adalah dengan mewujudkan sebuah webinar sebagai satu langkah permulaan untuk mempromosikan dan memperkenalkan warisan budaya upacara Wangkang ini. Webinar ini telah dijalankan pada 29 Oktober 2021 dengan tajuk ‘Perayaan Wangkang Antara Mitos dan Kepercayaan’ dan webinar ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia. Berkemungkinan pada masa akan datang, program-program webinar seumpama ini akan di buat lagi dari perspektif yang berbeza seperti falsafah upacara Wangkang itu tersendiri.

4.4 KESIMPULAN

Secara umumnya, upacara Wangkang merupakan warisan budaya milik masyarakat Cina khususnya masyarakat Peranakan Baba Nyonya dan masyarakat Cina Hokkien. Kegigihan masyarakat Baba Nyonya yang merekodkan dan menyimpan dokumen mengenai upacara Wangkang membuahkan hasil apabila Malaysia bersama Republik Rakyat China berjaya mendaftarkan upacara ini di peringkat antarabangsa sebagai sebuah kebudayaan warisan tidak ketara di peringkat antarabangsa terutamanya UNESCO. Kelangsungan upacara ini pada tahun 2020 juga sekali lagi membuktikan kegigihan komuniti ini di dalam memelihara warisan budaya yang diwarisi oleh mereka.

Selain itu, penerimaan masyarakat terhadap kelangsungan upacara ini juga dapat dilihat melalui pelaksanaan upacara Wangkang pada tahun 2020 ini sendiri. Walaupun terpaksa berdepan dengan risiko jangkitan virus COVID-19 dan perlu mematuhi garis panduan operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), upacara Wangkang ini tetap diteruskan mengikut jadual yang telah dibuat. Usaha mereka di dalam melestarikan warisan budaya ini harus dipuji. Ini kerana komuniti ini bersatu hati tanpa mengira peringkat umur telah berjaya melaksanakan upacara ini tanpa melibatkan sebarang bantuan daripada kerajaan.

Secara kesimpulannya, pengkaji telah menjelaskan kelangsungan upacara Wangkang pada tahun 2020 dan respon masyarakat terhadap upacara Wangkang yang telah dilakukan pada tahun 2020. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan banyak perubahan di dalam aktiviti kehidupan manusia termasuklah di dalam aktiviti kebudayaan. Aktiviti kebudayaan perlulah beradaptasi dengan situasi semasa bagi membolehkan sesebuah budaya itu dapat diteruskan dan dalam masa yang sama, nilai dan falsafah budaya tersebut haruslah dijaga.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Kesemua kebudayaan dan tamadun di dunia mempunyai budaya dan ritualnya yang tersendiri. Menurut Tim Vernimen (2021) sesebuah ritual itu mampu memupuk semangat kekitaan ataupun mengeratkan hubungan antara seseorang individu dengan sesebuah komuniti akan tetapi ia juga mampu untuk mewujudkan satu jurang antara sesebuah kelompok masyarakat dengan masyarakat yang lain apabila sesebuah masyarakat itu menganggap ritual yang dilakukan sesebuah masyarakat itu sesuatu yang pelik. Secara umumnya, ritual merupakan satu perlakuan ataupun aktiviti yang berulang dan diwarisi dari sebuah generasi ke generasi. Selain itu, sesebuah ritual itu mempunyai fungsi, maksud dan falsafah tertentu.

Malaysia sememangnya kaya dengan warisan budaya. ini dapat dilihat menerusi kepelbagaian etnik yang wujud di negara ini yang telah mewarisi kebudayaan warisan dari leluhur etnik masing-masing. Walaupun etnik melayu merupakan etnik utama, warisan budaya daripada etnik lain turut dilindungi dan dipelihara serta diiktiraf di negara ini sebagai sebuah warisan di peringkat kebangsaan. Pelbagai warisan budaya etnik bukan melayu dan peribumi telah diiktiraf sebagai warisan di peringkat kebangsaan misalnya, Tarian Brangra (etnik Sikh), Tarian Bharata Natyam (tarian etnik India), serta Gendang Dua Puluh Empat Perayaan (seni persembahan Gendang etnik cina) . Kepelbagaian etnik lah yang membuatkan Malaysia menonjol dan kaya dengan

adat budaya dan pemahaman serta toleransi menjadi kunci kepada keharmonian dari segi aspek sosial dan ekonomi.

Upacara Wangkang merupakan sebuah warisan budaya yang dimiliki oleh etnik china bagi masyarakat cina hokkien dan juga etnik peranakan Baba dan nyonya. Upacara Wangkang bukan sahaja diamalkan di Malaysia khususnya di negeri Melaka, malahan upacara ini turut di raikan dan diamalkan oleh masyarakat di Negara China di mana upacara ini mula diamalkan. Menariknya walaupun upacara ini berasal dari Negara China, akan tetapi di peringkat antarabangsa, upacara ini telah diiktiraf sebagai milikan bersama bagi negara Malaysia dan negara berkenaan. Perkara ini terjadi disebabkan oleh kegigihan etnik Peranakan Baba Nyonya yang bukan sahaja mengamalkan kebudayaan ini, malah turut merekodkan butiran-butiran mengenai upacara Wangkang terdahulu. Pada hari ini, Muzium Wangkang di Melaka, menyimpan rekod bergambar tertua upacara Wangkang di dunia. Menurut catatan sejarah, upacara Wangkang telah dilakukan di Melaka 8 kali iaitu yang terawal dipercayai pada tahun 1854 dan yang terkini pada tahun 2020.

5.1 PERBINCANGAN

Setiap komuniti cina di Malaysia akan mempunyai sekurang-kurangnya sebuah tokong yang khusus untuk dewa-dewa tertentu. Misalnya Tokong Yong Chuan Tian, Bandaraya Melaka menjadi tokong yang didedikasikan kepada Tee Ong Yah. Sambutan atau perayaan kepada dewa dilakukan kerana ingin mendapatkan kerahmatan, keamanan dan kemakmuran. Perkara ini bersesuaian dengan kata-kata di dalam bahasa cina *xiaozai qifu, heijing ping'an* (消灾祈福、合境平安) yang membawa maksud kepada “menghapuskan musibah dan mendoakan keberkatan” dan “keamanan kepada seluruh komuniti”. Dewa Ong Yah mempunyai peranan penting di dalam memastikan bahawa komuniti yang dijaganya adalah bebas daripada nasib buruk, menjaga keamanan dan memberkati komunitinya. Di Melaka terdapat lima dewa Ong Yah yang terkenal dan utama iaitu, Zuhu Ong Yah, Hoon-Hoo Ong Yah, Lihu Ong Yah, Tee Ong Yah dan yang terakhir Behhu Ong Yah.

Upacara Wangkang ataupun perayaan Wangkang merupakan satu ritual yang bertujuan untuk membersihkan sesebuah kawasan atau komuniti dengan menghalau semangat jahat, menjauhkan wabak dan memohon keberkatan dewa. Upacara ini akan berlangsung selama beberapa hari, dengan mempunyai pelbagai aktiviti dan ritual kecil sepanjang upacara ini berlangsung. Upacara Wangkang yang dijalankan pada tahun 2020 sedikit berbeza daripada upacara Wangkang yang telah dijalankan pada sebelumnya. Ini berlaku kerana penyebaran wabak COVID-19 telah menyebabkan berlakunya perubahan mendadak bagi kesemua aktiviti manusia di seluruh dunia. Hasil kajian mendapati bahawa kesedaran mengenai kewujudan upacara ini tidak begitu meluas terutama bagi generasi baharu. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat segelintir masyarakat yang tidak peka dengan warisan kebudayaan ini malah boleh dikatakan sebahagian besar masyarakat Malaysia yang bukan terdiri dari kaum Cina langsung tidak mengetahui akan kebudayaan ini walaupun pada tahun 2020, upacara ini telah diisytiharkan sebagai warisan tidak ketara milik bersama Malaysia dengan China di peringkat antarabangsa.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Berdasarkan analisa kajian yang telah dibuat, terdapat beberapa cadangan dan saranan yang akan dinyatakan pada bahagian ini berkenaan dengan Upacara Wangkang. Cadangan dan saranan yang diketengahkan oleh pengkaji bagi memastikan budaya warisan ini akan dapat dipelihara dan diketahui oleh orang ramai.

5.2.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat

bukan sahaja diamalkan oleh komuniti peranakan baba nyonya di negeri Melaka malahan turut pernah diadakan di negeri lain seperti Sarawak pada tahun 1888, akan tetapi, pada masa kini dapat dilihat hanya Negeri Melaka sahaja yang berjaya memelihara warisan budaya ini. Tidak dapat dinafikan kegigihan komuniti peranakan

baba nyonya di dalam usaha mereka memulihara dan memelihara warisan budaya ini di Negeri Melaka.

Antara cadangan dan harapan pengkaji adalah agar komuniti melalui persatuan seperti jawatan kuasa Tokong Yong Chuan Tian, dan Persatuan Baba dan Nyonya lebih giat mempromosikan dengan mengadakan seminar atau sesi dialog pada masa hadapan bagi mempromosikan upacara ini. Selain itu, pihak jawatan kuasa Muzium Wangkang perlulah bekerjasama dengan pelbagai agensi sama ada kerajaan atau bukan kerajaan bagi memelihara dan memulihara objek dan barangan budaya yang dipamerkan di muzium ini demi memastikan ianya dapat bertahan lebih lama.

5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan

Upacara Wangkang merupakan sebuah warisan yang telah diangkat sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2013 dan telah diangkat sebagai warisan budaya tidak ketara dunia pada 2020. Oleh hal yang demikian pihak kerajaan menerusi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dan Kerajaan Negeri Melaka haruslah lebih giat mempromosikan budaya ini. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sehingga tahun 2021, tidak begitu banyak program warisan budaya di Melaka yang menyentuh secara terus mengenai upacara Wangkang. Program seumpama webinar yang dijalankan oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Melaka pada 29 oktober 2021 haruslah lebih giat dilakukan bagi memberikan kesedaran kepada orang awam mengenai kewujudan upacara ini, khususnya kepada institut-institut yang berpotensi untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam mengenai warisan ini.

Bagi menarik minat golongan muda, pihak Kerajaan melalui agensi yang berkaitan seperti Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan, dan Institut Warisan Negeri Melaka dan sebagainya boleh menganjurkan pertandingan seperti kuiz, gambar dan lain-lain lagi bagi memperkenalkan warisan yang ada di Melaka ini termasuk upacara Wangkang,

5.2.3 Cadangan Kepada Institut Pengajian Tinggi

Institut pengajian tinggi memainkan peranan penting di dalam memastikan sesebuah warisan budaya itu dapat dipulihkan dan dipelihara. Ini dikatakan kerana pusat pengajian tinggi mampu menghasilkan banyak penyelidikan ke atas sesebuah warisan itu, seterusnya mewujudkan banyak sumber-sumber kajian mengenai sesebuah budaya.

Di Malaysia, terdapat pelbagai pusat pengajian tinggi yang menawarkan bidang pengajian yang berkaitan dengan budaya dan masyarakat misalnya Universiti Malaysia Kelantan merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang menawarkan bidang pengajian warisan iaitu di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Para Pelajar di fakulti ini didedahkan dengan ilmu dan pengetahuan yang berkaitan warisan dan ditambah dengan pengetahuan kreatif bagi memastikan para pelajar warisan di fakulti ini dapat meningkatkan kualiti diri mereka sekaligus dapat menyumbang kepada negara di dalam usaha-usaha memelihara, memulihara dan mempromosikan warisan yang dimiliki oleh negara ini.

Menurut Datuk Ronald Gan, setakat ini tidak banyak dokumen ataupun bahan ilmiah yang menyentuh secara jelas mengenai upacara Wangkang di dalam bahasa inggeris, dan tiada kajian atau naskah buku yang berkaitan Wangkang yang boleh didapati di dalam bahasa melayu. Perkara ini sekaligus menyebabkan orang tidak menunjukkan minat yang tinggi di dalam mempelajari budaya ini kerana ketiadaan bahan rujukan. Oleh itu, beliau berharap agar lebih ramai lagi pengkaji dan penyelidik yang akan mengkaji dengan lebih mendalam tentang upacara ini, sekaligus mempromosikan upacara Wangkang.

5.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, usaha komuniti tempatan iaitu etnik peranakan baba nyonya di dalam memulihara warisan mereka iaitu upacara Wangkang harus di sokong oleh

kesemua pihak baik agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan. Perkara ini bagi memastikan budaya ini dapat dipromosikan dengan lebih meluas. Buat masa ini, masih ramai lagi rakyat Malaysia khususnya penduduk Negeri Melaka yang tidak mengetahui tentang kewujudan budaya ini. Diharapkan dengan adanya kerjasama meluas daripada pelbagai pihak, akan mampu mempromosikan lagi warisan budaya ini.

Selain itu, pengkaji berharap akan ada lebih ramai lagi pengkaji yang akan mengkaji dengan mendalam mengenai upacara Wangkang dan seterusnya menerbitkan hasil tulisan mereka. Perkara ini penting bagi memastikan lebih banyak maklumat yang boleh diakses mengenai upacara Wangkang sekaligus dapat menarik minat orang ramai untuk mengetahui upacara Wangkang dengan lebih lanjut.

Akhir sekali pengkaji ingin memuji Ahli Jawatan Kuasa Pogram Upacara Wangkang 2020. Kerana walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran, upacara Wangkang tetap diteruskan dengan sedikit perubahan. Akan tetapi kualiti, nilai dan falsafah yang wujud di dalam upacara Wangkang masih dapat dikekalkan dengan baik, Perkara ini menunjukkan bahawa sesebuah warisan budaya itu mampu bertahan dengan baik walaupun mengalami perubahan akan tetapi nilai dan falsafah tetap terpelihara serta diharap dapat diperturunkan kepada generasi seterusnya.

RUJUKAN

- Agencies, M. A. (2020, March 8). Coronavirus: Touching Kaaba Forbidden As Mecca's Grand Mosque Partially Reopens. *MiddleEastEye*.<https://www.middleeasteye.net/news/Saudi-arabia-partially-reopens-meccas-grand-mosque-amid-coronavirus-measures>
- Agustha, M. C., Yuono, Y. R., Rengganis, A. D., Karnadhi, S., & Tumiwa, E. F. (2021). Selamatan As A Solution To The Liminality Of Life During The Covid 19 Pandemic
- Ali, T. I. M. T. M. (2007). Teori Semiotik Peirce Dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 157-171
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Ali, Z., & Dzainal, N. D. S. (2020). Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVI19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 31-44
- Chow, S. K., Francis, B., Ng, Y. H., Naim, N., Beh, H. C., Ariffin, M. A. A., & Sulaiman, A. H. (2021, January). Religious Coping, Depression And Anxiety Among Healthcare Workers During The COVID-19 Pandemic: A Malaysian Perspective. In *Healthcare* (Vol. 9, No. 1, p. 79). Multidisciplinary Digital Publishing Institute
- Constant Vianney Cyril Chin. (2020). Faktor Perubahan Amalan Adat Tradisi Dalam Proses Penanaman Padi Sawah Tradisiona Masyarakat Dusun Kuruyou Di Kg. Liau Darat, Bingkor, Sabah. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 87–102 <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2795>

- Daniel Burke, CNN Religion Editor. (2020, March 14). What Churches, Mosques And Temples Are Doing To Fight The Spread Of Coronavirus. CNN.
<https://edition.cnn.com/2020/03/14/world/churches-mosques-temples-coronavirus-spread/index.html>.
- Dasuki, S., Mohd Radzi, F., Idris, N., & Abdulah, N. H. (2015). Perkembangan Budaya Popular Dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu
- Fardin, M. A. (2020). COVID-19 epidemic and spirituality: A Review Of The Benefits Of Religion In Times Of Crisis. *Jundishapur Journal Of Chronic Disease Care*, 9 (2), 1-4
- Hussein, T. S. I., & Hassan, N. A. R. B. N. (2012). Perubahan Identitas Melayu di Thailand Selatan. *Independent Academia*
- John, S. S., & Mene, T. COVID-19 Pandemic And Indigenous Health Care Practices Among The Tribal Communities In Arunachal Pradesh. *Man In India*, 100(1-2), 59-71
- Lee, K., Jeong, G. C., & Yim, J. (2020). Consideration Of The Psychological And Mental Health Of The Elderly During COVID-19: A Theoretical Review. *International Journal Of Environmental Research And Public Health*, 17 (21), 8098
- Mahamid, F. A., & Bdier, D. (2021). The Association Between Positive Religious Coping, Perceived Stress, And Depressive Symptoms During The Spread Of Coronavirus (COVID-19) Among A Sample Of Adults In Palestine: Across Sectional Study. *Journal Of Religion And Health*, 60(1), 34-49

- Mokhtar, R. A. M., & Latiff, L. A. (2020). Pandemik COVID-19 Dan Kesannya Kepada Amalan Solat Berjemaah Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia
- Muhson, A. (2006). Teknik Analisis Kuantitatif. *Universitas Negeri Yogyakarta. Yogyakarta*
- Noraini Idris, 2013. Penyelidikan Dalam Pendidikan. Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd
- Oxholm, T., Rivera, C., Schirrmann, K., & Hoverd, W. J. (2021). New Zealand Religious Community Responses To COVID-19 While Under Level 4 Lockdown. *Journal Of Religion And Health*, 60(1), 16-33
- Pals, D. L. (2002). Rimpu: Adaptasi Budaya Lokal dan Agama. *Transcultural*, 13(3), 197-199.
- Parke, C. (2020, March 13). Churches Cancel Sunday Service, Move Online Amid Coronavirus Outbreak. *Fox News*. <https://www.foxnews.com/us/coronavirus-update-church-sunday-service-online>
- Penner, H. H. (2016, December 7). *Ritual*. *Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/ritual>
- Puguh, D. R., Amaruli, R. J., & Utama, M. P. (2021). Covid-19 Pandemic, Javanese Rituals, and Social Solidarity. In *E3S Web of Conferences* (Vol. 317, p. 01045). EDP Sciences
- Tan, C. B. (2018). *Chinese Religion In Malaysia: Temples And Communities*. Brill

The Malacca Guardian: Momento Of, Wangkang Ceremonian and Procession
1933.n,d

The Story:Tradition of Yong Chuan Tian Wangkang. n,d

Warsilah, H., & Syahid, C. N. Indonesian Community Response To Government
Policies Relating To The Distribution Of COVID-19 Virus: A Socio-Cultural
Review. *Secretary*, 23

Yıldırım, M., Kızılgöçit, M., Seçer, İ., Karabulut, F., Angın, Y., Dağcı, A., ... &
Çinici, M. (2021). Meaning In Life, Religious Coping, And Loneliness During
The Coronavirus Health Crisis In Turkey. *Journal Of Religion And
Health*, 60(4), 2371-2385

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN

A) Borang Soal Selidik

11/27/21, 9:55 AM

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KELANGSUNGAN UPACARA WANGKANG DI MELAKA SEMASA PENULARAN WAB...

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP KELANGSUNGAN UPACARA WANGKANG DI MELAKA SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya merupakan pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang ingin menjalankan kajian mengenai persepsi masyarakat terhadap kelangsungan upacara Wangkang di Melaka semasa penularan wabak Covid-19. Segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya akan digunakan untuk dijadikan kajian ini sahaja. Saya menghargai anda meluangkan masa menjawab soal selidik ini dan mengucapkan ribuan terima kasih.

* Required

BAHAGIAN A (DEMOGRAFI)

1. Jantina *

Mark only one oval.

- Lelaki
 Perempuan

2. Peringkat Umur *

Mark only one oval.

- 17 Tahun dan kebawah
 18- 30 tahun
 31-59 tahun
 60 tahun dan keatas

<https://docs.google.com/forms/d/1bZoxExeEhTtuTcJ2ppFvqqaonT9feVdoxKzzmQlpB-g/edit>

1/6

3. Peringkat Pendidikan Tertinggi *

Mark only one oval.

- Sekolah Rendah
- Sekolah Menengah
- SPM & DAN SETARAF
- DIPLOMA & SETARAF
- IJAZAH SARJANA MUDA /IJAZAH SARJANA / DOKTOR FALSAFAH

4. PEKERJAAN *

Check all that apply.

- KERAJAAN
- SWASTA
- PESARA
- TIDAK BEKERJA
- PELAJAR

5. STATUS *

Mark only one oval.

- BUJANG
- BERKAHWIN
- Other: _____

BAHAGIAN B (kesedaran mengenai covid-19)

UNIVERSITI

<https://docs.google.com/forms/d/1bZoxExeEhTtuTcJ2ppFvqqaoT9feVdoxKzzmQlpB-g/edit>

2/6

MALAYSIA

KELANTAN

6. Adakah anda mengetahui akan bahaya Covid-19 *

Mark only one oval.

- ya
 Tidak

7. Adakah anda tahu mengenai cara penyebaran wabak penyakit covid-19. *

Mark only one oval.

- ya
 Tidak

8. Adakah anda mengetahui dan mengikuti perkembangan covid-19 *

Mark only one oval.

- ya
 Tidak

Bahagian B
(UPACARA
WANGKANG)

Upacara Wangkang merupakan salah satu upacara penting yang diamalkan oleh masyarakat cina terutamanya komuniti Baba Nyonya dan Hokkien. Wangkang bermaksud Kapal Raja atau Kapal Ong Yah. Upacara ini dianjurkan bagi menjemput roh-roh jahat, roh-roh yang merayau dan unsur-unsur negatif yang terdapat di persekitaran Bandar Melaka pada waktu itu ke atas kapal untuk berkhidmat sebagai angkatan tentera Dewa Ong Yah supaya keamanan, kemakmuran, kesihatan dan kebahagiaan komuniti akan terjamin. upacara WangKang hanya akan dilakukan apabila mendapat arahan daripada dewa dan kebiasaannya ia akan dilakukan di dalam tempoh masa yang sukar seperti yang terjadi di dalam upacara Wangkang terdahulu. Arahan untuk menjalankan upacara wangkang pada tahun 2020 telah diberikan pada tahun 2017 dan persiapan untuk menjalankan upacara ini telah bermula pada tahun tersebut.

9. Adakah anda mengetahui tentang upacara wangkang yang di lakukan Bandaraya Melaka *

Mark only one oval.

- ya
 Tidak

10. Adakah anda mengetahui upacara wangkang telah didaftarkan sebagai warisan kebangsaan dan warisan tidak ketara di peringkat UNESCO. *

Mark only one oval.

- ya
 Tidak

11. adakah anda mengetahui bahawa upacara wangkang yang dijalankan di melaka adalah bertujuan untuk membersihkan Bandaraya Melaka daripada roh-roh jahat, unsur negatif dan seterusnya menjamin keamanan, kesejahteraan, kesihatan dan kebahagiaan komuniti terjamin.

Mark only one oval.

- ya
 tidak

12. Apakah anda mengambil tahu tentang perkembangan upacara wangkang *

Mark only one oval.

- ya
 tidak

13. Adakah anda mengetahui bahawa pada tahun 2020 upacara wangkang telahpun di lakukan pada bulan disember. *

Mark only one oval.

- ya
 tidak

14. apa pendapat anda tentang upacara wangkang yang dijalankan pada tahun 2020 *

Mark only one oval.

- perlu dijalankan bagi membasmi wabak covid-19
 tidak perlu dijalankan kerana sedang berlaku penularan wabak Covid-19

15. dari sudut warisan budaya, nyatakan perasaan anda tentang upacara wangkang yang telah diadakan pada tahun 2020. *

Check all that apply.

- upacara ini perlu dilakukan bagi memelihara warisan budaya
 upacara ini perlu dilakukan kerana ia merupakan warisan budaya tinggalan generasi lalu
 upacara ini perlu dilakukan bagi memperkayakan budaya di negeri melaka
 upacara ini perlu dilakukan kerana ia menghubungkan antara generasi masa kini dengan generasi lalu

16. Apakah anda menyertai mana-mana aktiviti yang terdapat di dalam upacara wangkang pada tahun 2020. Contohnya, menghanyutkan tanglung air, menaikkan tanglung buluh, dan sebagainya. *

Mark only one oval.

- ya
 Tidak

17. Sila nyatakan sebab kenapa anda menyertai / tidak menyertai mana-mana upacara yang terdapat di dalam upacara Wangkang yang telah dilakukan pada tahun tersebut (2020).

This content is neither created nor endorsed by Google.

Google Forms



<https://docs.google.com/forms/d/1bZoxExeEhTtuTcJ2ppFvqqaonT9feVdoxKzrmQlpB-g/edit>

B) Soalan Sesi Temu Bual**i) Soalan Kepada komuniti pengamal upacara Wangkang (Datuk Ranald Gan & Encik Lai Poon Ken)**

- 1) Bolehkan Datuk/ tuan menceritakan serba sejarah dan latar belakang datuk di dalam upacara Wangkang.
- 2) Bagaimanakah Datuk/ tuan terlibat di dalam upacara Wangkang?
- 3) Bolehkan datuk/ tuan menceritakan tentang upacara Wangkang yang telah berlaku pada tahun 2020 dan perbezaannya dengan upacara Wangkang terdahulu.
- 4) Apakah SOP yang perlu dipatuhi oleh pihak penganjur di dalam melaksanakan upacara Wangkang pada tahun 2020?
- 5) Mengapakah ianya perlu dilakukan walaupun ia berdepan dengan cabaran COVID-19 dan SOP yang ketat?
- 6) Bagaimanakah penerimaan orang ramai ataupun komuniti terhadap upacara ini.
- 7) Apakah cabaran yang paling utama di dalam menjayakan upacara Wangkang 2020?

8) Pada pandangan datuk/ tuan apakah kesan psikologi terhadap komunitiketika atau selepas upacara Wangkang dilakukan?

9) Apakah perancangan mengenai upacara Wangkang pada masa hadapan?

10) Apakah langkah yang telah diambil bagi mempromosikan upacara ini memandangkan masih ramailagi rakyat Malaysia khususnya penduduk di negeri Melaka memandangkan masih ramai lagi yang tidak mengetahui mengenai warisan kebangsaan ini.

ii) Soalan Kepada Agensi Kerajaan (Cik Ezlina Alias, Pengarah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Melaka

1) Adakah Cik sedia maklum dengan upacara Wangkang yang diamalkan di Melaka.

2) Adakah cik, mengetahui bahawa upacara Wangkang telah dilakukan pada bulan November pada tahun 2020 walaupun pada Ketika itu negara kita bergelut dengan pandemic COVID-19.

3) Dari pada pihak JKKN sendiri, apakah usaha yang telah dilakukan bagi mempromosikan budaya warisan ini.

4) Apakah harapan cik terhadap legasi warisan budaya ini pada masa hadapan.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN